

قُلْ بِرَوْحَنْ

PETIKAN TITAH
“SEBAGAI langkah menaik taraf kesejahteraan rakyat dan penduduk, tumpuan patutlah diberikan kepada lebih meningkatkan lagi tahap dan kualiti pendidikan serta pembinaan keupayaan insan termasuk perkembangan belia-belia.” - Titah Sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama MMN pada 8 RabuAlkhir 1433 Hijrah bersamaan 1 Mac 2012.



مانیس ایمان

MANISNYA IMAN

“WAHAI orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakannya dari sangkaan supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keibaian orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain.” - (Surah Al-Hujurat ayat 12).

TAHUN 58 / BILANGAN 50

27 APRIL 2013 / 1434 16 جمادى الآخر

EDISI SABTU / PERCUMA

SIDANG KEMUNCAK ASEAN 2013

“PEMIMPIN-PEMIMPIN ASEAN menekankan akan pentingnya mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau, mengeratkan kerjasama ekonomi dan mengembangkan hubungan sesama penduduk supaya generasi-generasi masa depan akan mewarisi sebuah komuniti ASEAN yang aman dan makmur.”

Kenyataan Pengurus Sidang Kemuncak ASEAN 2013
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI keluaran hari ini menerbitkan Edisi Khas Sidang Kemuncak ASEAN 2013.



Berkenan berangkat hadiri Majlis Pemasyhuran 'King of The Netherlands'

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman telah berkenan berangkat ke Amsterdam, The Netherlands bagi menghadiri Majlis Pemasyhuran His Royal Highness Prince Willem-Alexander, The Prince of Orange menaiki takhta menjadi King of The Netherlands.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Abdul Muntasir dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah.

Sebelum berangkat, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Imam Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin

Bakal.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Isteri ialah Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Mufti Kerajaan, Timbalan-Timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan isteri masing-masing.



DI DALAM

Muka 3

ISU Harta Intelek fokus perbincangan

Muka 4

MAJLIS Resepsi meraikan media

ISO-9001:2008 menekankan prinsip pengurusan yang berkualiti

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

SEGALA puji-pujian dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang kerana di atas limpah kurnia rahmat-Nya juga kita semua dapat berhimpun beramai-ramai di pagi ini di Acara Pembukaan Kursus Pengenalan ISO 9001:2008 bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU).

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat dan para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Pada kesempatan ini, saya terlebih dahulu dengan tulus ikhlas ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Pusat Standard Kebangsaan, KPSSU kerana menjemput saya hadir pada pagi ini selaku tetamu kehormat dan seterusnya membuka rasmi Kursus Pengenalan ISO 9001:2008 bagi KPSSU.

Menyentuh kepada inisiatif untuk mengungkapkan perlaksanaan ISO 9001:2008, saya melihat perkara ini sangat mustahak. Ianya akan dapat mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang kondusif, berkualiti tinggi serta memberikan motivasi kepada pegawai dan kakitangan untuk sentiasa menghasilkan

perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan teratur.

Saya menyambut baik dan menyokong perkara ini kerana standard ISO 9001:2008, menekankan prinsip-prinsip pengurusan yang berkualiti yang memberikan tumpuan kukuh kepada pelanggan-pelanggan (*strong customer focus*); membawa peningkatan tahap motivasi kepada organisasi serta penambahbaikan secara berterusan kepada proses-proses kerja yang sedia ada.

Seperi yang kita maklumi bersama, KPSSU telah pun menggariskan empat kluster strategik iaitu sekuriti makanan, mempelbagaikan ekonomi, sosioekonomi dan juga Pembangunan SME dan Koperasi.

Perlaksanaan ISO 9001:2008 ini diharap akan menukar landskap persekitaran kerja pihak kementerian ini dan menjadikannya sebagai, pertama - pemangkin kepada usaha-usaha kementerian ini untuk mencapai sasaran-sasaran pembangunan kluster-kluster tersebut secara menyeluruh; kedua - meningkatkan etika kerja warga kementerian ini sebagai nadi utama, jentera penggerak serta pelaksana kepada segala rancangan-rancangan, program-program dan strategi-strategi; ketiga - meningkatkan kecekapan, produktiviti, keterkesan, kompetensi dan kebertanggungjawaban yakni *accountability* warga kementerian ini dalam melaksanakan dasar, prosedur, peraturan, garis panduan secara lebih sistematik, lebih efisien dan lebih teratur;

"MENYENTUH kepada inisiatif untuk mengungkayahkan perlaksanaan ISO 9001:2008, saya melihat perkara ini sangat mustahak. Ianya akan dapat mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang kondusif, berkualiti tinggi serta memberikan motivasi kepada pegawai dan kakitangan untuk sentiasa menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan teratur."



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap dalam Majlis Pembukaan Kursus Pengenalan ISO 9001-2008 bagi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) pada hari Selasa, 14 Jamadilawal 1434 bersamaan 26 Mac 2013, bertempat di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU.

keempat - meningkatkan kebolehpercayaan serta keyakinan orang ramai, pelanggan dan stakeholders terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang dihulurkan oleh kementerian ini; dan akhir sekali dapat merealisasikan aspirasi atau hasrat kementerian ini untuk menjadi sebuah ejen yang akan membawa perubahan (*agent of change*) yang berkesan dan juga rakan kongsi dinamik dalam pembangunan sektor industri dan sumber-sumber utama.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas usaha yang berkebajikan lagi bermanfaat yang diungkayahkan oleh Pusat Standard Kebangsaan ini. Semoga inisiatif bagi meningkatkan taraf kementerian ini melalui pengiktirafan ISO 9001:2008 akan mendapat sokongan padu daripada semua pihak dan semoga usaha ini akan berjaya dan menjadi contoh kepada orgnaisasi yang lain.

Dari Sidang Pengarang.

27 APRIL 2013 BERSAMAAN 1434 جمادی الآخر 1434

MENG GARAP KEWIBAWAAN NEGARA DENGAN RAKAN NEGARA ASEAN

NEGARA Brunei Darussalam telah selesai menjadi Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang telah berlangsung pada 24-25 April 2013. Sangat membanggakan negara kitani yang kecil ini berkemampuan mengendalikan Sidang Kemuncak yang berprestij di rantau ini.

Semua kejayaan ini adalah hasil kitani selaku rakyat dan penduduk di negara ini yang telah sudi memperuntukkan masa dan tenaga semata-mata untuk menjayakan sidang kemuncak tersebut. Puji perlu diberi kepada semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan sidang kemuncak kali ini.

Jika dilihat persiapan yang telah dibuat sebelum ini, jelas komitmen dan sikap bertanggungjawab semua pihak begitu ketara dalam menangani segala permasalahan yang timbul.

Kewibawaan pemimpin kitani jelas terserlah. Kitani sewajarnya bangga terhadap sikap pemedulian baginda dalam segala hal yang berkaitan dengan mesyuarat-mesyuarat ini dalam mana baginda sanggup turun padang berangkat melawat tempat-tempat berlangsungnya mesyuarat berkenaan.

Walau apa pun, Sidang Kemuncak ini masih belum berakhir. Masih ada lagi banyak mesyuarat yang akan diadakan sepanjang tahun ini seperti ASEAN Regional Forum (ARF), ASEAN Summit +3 dan lain-lain lagi. Tugas kitani sebenarnya masih belum selesai. Kitani terus menunjukkan kepada dunia bahawa kitani mampu menjadi tuan rumah dalam apa-apa jua mesyuarat berprestij yang akan diadakan.

Kitani mengharapkan komitmen yang diberikan dalam Sidang Kemuncak ini akan tetap sama diberikan pada mesyuarat-mesyuarat lain yang akan datang. Tunjukkanlah bahawa sesuai dengan tema 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' rakyat di negara ini akan menunjukkan sikap perpaduan dalam merealisasikan harapan negara sebagai sebuah negara yang akan bersama-sama memajukan setiap pembangunan negara ke arah masa depan yang gemilang.

Dalam kenyataan Pengerusi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 Tahun 2013, Kebawah DYMM menekankan akan pentingnya mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau, mengeratkan kerjasama ekonomi dan mengembangkan hubungan sesama penduduk supaya generasi-generasi masa depan akan mewarisi sebuah komuniti ASEAN yang aman dan makmur.

Satu perkara yang begitu mengujakan ialah latihan dan bantuan bencana dan perubatan ketenteraan yang akan berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada bulan Jun ini yang merupakan usaha kemanusiaan pertama pernah dilaksanakan yang akan melibatkan semua negara-negara ASEAN dan rakan kongsinya.

Selaku tuan rumah, latihan tersebut memberi peluang kepada kitani semua menunjukkan keramahan, budi bahasa dan sikap orang-orang Brunei. Kitani perlu bersiap sedia menunjukkan kewibawaan kitani. Pastikan kitani akan mengalu-alukan semua yang datang ke negara ini nanti dengan penuh mesra. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Ketua Penyuntingan

Hajah Rosidah Haji Ismail
Hajah Zabaidah Haji Salat

Penyelaras dan Reka Letak

Samle Haji Jait,
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghapor,
Haji Ahmad Haji Salim

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Hajah Norpisyah Md. Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Atikah Mohd. Asyraf,
Hajah Sujimawati Mejari,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahansah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Haniza Abdul Latif

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Mohammad Ike Igrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Hatrul Hazmi Abd. Hamid,
Juraiyah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

Isu Harta Intelek fokus perbincangan



YANG Teramat Mulia berkenan berangkat pada Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia (World IP Day).

Oleh : Khartini Hamir, Siti Zaleha Haji Jalil
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menghadiri Bengkel Isu-isu Harta Intelek dan Perjanjian Perdagangan Bebas.

Bengkel dikendalikan oleh Jabatan Pegawai Negara (JPN) dan disokong oleh Data Stream Technologies (DST). Bengkel yang diadakan di Bangunan

Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah itu merupakan salah satu aktiviti bagi memperingati Hari Harta Intelek Sedunia yang jatuh pada 26 April setiap tahun.

Bengkel selama dua hari itu dikendalikan oleh penceramah undangan dari Knowledge Ecology International (KEI), Krista Cox yang menerangkan isu-isu yang berkaitan dengan harta intelek dalam konteks Perjanjian Perdagangan Bebas.

KEI merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang menumpukan pada pencarian hasil yang lebih baik

termasuk penyelesaian baru pada pengurusan sumber-sumber pengetahuan.

Tujuan utama bengkel tersebut untuk memberikan liputan menyeluruh bagi semua isu-isu yang berkaitan dengan harta intelek selain meningkatkan kesedaran mengenai harta intelek.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan ialah mengenai isu-isu terkini yang berkaitan dengan perlindungan harta intelek khususnya dalam hak cipta, paten dan juga langkah-langkah perlindungan teknologi dan liabiliti penyedia perkhidmatan *internet* (ISP) serta penguatkuasaan undang-undang IP, sivil dan jenayah.

Peserta bengkeldidedahkan mengenai perjanjian antarabangsa yang ber-



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat pada Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia (World IP Day) bertempat di Dewan Jubli Emas, Tingkat 2, Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah-Mahkamah, Pejabat Pegawai Negara.

kaitan dengan harta intelek dan pembangunan dibawah undang-undang antarabangsa.

Turut hadir semasa bengkel tersebut ialah pegawai-pegawai dari JPN dan para pegawai dari kementerian-

kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, syarikat-syarikat di bawah industri telekomunikasi dan dari Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi).

Tingkatkan perubahan, kemajuan telekomunikasi tempatan

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (The Authority for Info-Communications Technology Industry of Brunei Darussalam-AiT) terus meningkatkan perubahan dan kemajuan dalam telekomunikasi tempatan dan sektor penyiaran dengan mengadakan Projek Konsultasi bagi mewujudkan rangka kerja peraturan tarif dengan memberi manfaat kepada kedua-dua pembekal perkhidmatan dan para pengguna.

Ianya bertujuan untuk mewujudkan rangka kerja peraturan tarif yang akan membantu AiTi bagi memastikan telekomunikasi dan sektor penyiaran di negara ini kekal berpatutan untuk semua peringkat lapisan masyarakat, di samping memberikan galakan persaingan yang sihat dalam kalangan peserta pasaran.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif AiTi, Queh Ser Pheng menyatakan perkara tersebut pada Majlis Penandatanganan Perkhidmatan Konsultasi Bagi Mewujudkan, Melaksana dan Sokongan Pelaksanaan Rangka Kerja Peraturan Tarif Untuk

Telekomunikasi dan Sektor Penyiaran di negara ini, di antara AiTi dengan Detecon Asia Pasific Limited (Detecon) yang berlangsung di AiTi, Berakas, di sini.

Queh Ser Pheng menjelaskan, Projek Konsultasi mengandungi empat fasa iaitu Fasa Pertama Meneliti Semula dan Mengumpulkan Maklumat; Fasa Kedua bagi Pembangunan Rangka Kerja Peraturan Tarif Bagi Telekomunikasi dan Sektor Penyiaran; Fasa Ketiga bagi Pelaksanaan dan Latihan; dan Fasa Keempat pula untuk Penghantaran Sokongan Projek.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif AiTi, Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin.

Menandatangi bagi pihak AiTi ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif AiTi, Queh Ser Pheng manakala Syarikat Detecon diwakili oleh Dr. Markus Steingrover.

Dalam masa enam akan datang Syarikat Detecon akan bekerja rapat dengan telekomunikasi tempatan dan

sektor penyiaran serta agensi-agensi kerajaan dalam mengumpulkan kesemua pengetahuan dan maklumat yang diperlukan.

Pada masa yang sama, beberapa konsultasi awam juga akan diadakan

dalam waktu akan datang.

Dengan termeterainya perjanjian rangka kerja tersebut, AiTi berharap akan memberikan pemahaman yang baik dalam kos modal dan tarif yang dikenakan oleh pembekal

perkhidmatan dalam telekomunikasi dan sektor penyiaran di negara ini.

AiT juga berharap akan melihat pengurangan dalam rutin kerja pentadbiran yang dilakukan oleh kedua-dua pembekal dan pengawal selia.



KETUA Pegawai Eksekutif Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AiTi), Awang Haji Yahkup bin Haji Menudin (tengah) semasa menyaksikan Majlis Penandatanganan Perkhidmatan Konsultasi Bagi Mewujudkan, Melaksana dan Sokongan Pelaksanaan Rangka Kerja Peraturan Tarif Untuk Telekomunikasi dan Sektor Penyiaran.

Majlis Resepsi Meraikan Media

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Jawatankuasa Media dan Publisiti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 berharap akan dapat membantu pihak media dalam membuat liputan terbaik sepanjang berlangsungnya sidang dua hari tersebut.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud, selaku Pengurus Jawatankuasa Media dan Publisiti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 berharap segala persiapan yang telah diaturkan akan dapat memenuhi kehendak dan merasa selesa dengan layanan kepada pihak media.

Berucap mengalum-alukan para wartawan dan jurugambar serta pengamal media pada Majlis Resepsi yang dihoskan oleh Jawatankuasa Media dan Publisiti berlangsung Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan menyertu pihak media luar negara supaya mengambil peluang melawat ke tempat-tempat menarik di negara ini.

Lebih 400 orang wartawan dan jurugambar serta pengamal media mewakili agensi-agensi berita tempatan serta antarabangsa membuat liputan sepanjang dua hari berlangsung Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 yang bermula hari ini.

Para wartawan dan jurugambar dari media cetak dan elektronik yang akan membuat liputan meluas sidang kemuncak yang membawa tema

'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama' (Our People, Our Future Together) itu mula memenuhi ruang kerja di Pusat Media Antarabangsa bagi mendapatkan maklumat-maklumat terkini yang berkaitan.

Pusat Media Antarabangsa dibahagikan kepada dua lokasi iaitu Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas menempatkan Pusat Utama Media (Main Media Centre) dan bangunan baru JPM di Jalan Menteri Besar bagi Sub Ruang Kerja Akhbar (Sub Press Working Area).

Fungsi Pusat Media Antarabangsa terbahagi kepada dua iaitu bagi menyelaras media cetak yang diselegarkan oleh Jabatan Penerangan, manakala media elektronik dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Pusat Media Antarabangsa di Pusat Persidangan Antarabangsa telah mula beroperasi sejak Mesyuarat-mesyuarat Bagi Persiapan Sidang Kemuncak serta Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan ('ASEAN Meetings to Prepare for the 22nd ASEAN Summit Meetings & Related Meetings') pada 10 hingga 11 April lalu.

Sekretariat Media di Pusat Media Antarabangsa berperanan bagi menyelaras pendaftaran media yang akan membuat liputan sepanjang persidangan; menyelaras dokumentasi dengan pihak JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; menyelaras maklumat untuk bahan berita; menyelaras taklimat dan Sidang Media serta menyediakan press kits

dan menjalankan kerja-kerja promosi dan publisiti berkaitan Sidang Kemuncak.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pusat Media Antarabangsa termasuklah ruang kerja yang dilengkapi komputer, talian internet (wi-fi dan LAN), bilik Sidang Media, mesin pencetak dan *piegon hole* yang akan menyalurkan Siaran-siaran Akhbar dan maklumat terkini.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh Pusat Media Antarabangsa termasuklah Akreditasi Media, Pergerakan dan Media Pool, Pegawai Penghubung (MRO), Pegawai Perhubungan Media (LO), Resepsi Media termasuk di Lapangan Terbang, Penginapan, Pengangkutan, Jamuan, Lawatan, dan e-Majalah.

Turut disediakan ialah Hos Foto yang mengendalikan galeri foto yang terdapat di dalam laman sesawang rasmi Sidang Kemuncak ASEAN dengan melayari www.photo.asean2013.gov.bn

Hos Foto menggunakan khidmat jurugambar-jurugambar dari Jabatan Penerangan dan diperbantukan oleh jurugambar-jurugambar dari Jabatan Muzium-Muzium Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah berperanan penting dalam membekalkan gambar-gambar sepanjang persidangan secara percuma kepada media-media yang memerlukan.

Selain Pusat Media Antarabangsa, juga terdapat Pusat Penyiariah Antarabangsa yang dikendalikan oleh RTB selaku Hos Penyiariah bagi menyelaras penyiariah-penyiariah luar negara dengan menyediakan antaranya ruang studio TV, rakaman dan ruang penyuntingan.

Sementara itu, seramai 20 orang pegawai dari kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan kebanyakannya Pegawai Perhubungan Awam ditugaskan bagi memudahkan cara awal pergerakan media sepanjang mesyuarat berlangsung serta terdapat juga kira-kira 50 orang sukarelawan yang terlibat bagi membantu pelbagai kemudahan mesyuarat di Pusat Media Antarabangsa.

SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud (kanan), selaku Pengurus Jawatankuasa Media dan Publisiti Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 semasa menyampaikan ucapan dan beramah mesra bersama media luar negara (bawah).



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin mempengerusikan Mesyuarat Pembentukan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun 2013 bagi Daerah Brunei dan Muara.

Cuti persekolahan penggal ketiga diawalkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi perubahan tarikh Cuti Persekolahan Penggal III bagi sekolah-sekolah dan maktab-maktab Negara Brunei Darussalam tahun 2013, seminggu lebih awal dari yang telah dijadualkan iaitu hari Ahad, 13 Oktober 2013 hingga hari Jumaat, 18 Oktober 2013 (enam hari) kepada hari Ahad, 6 Oktober 2013 hingga hari Jumaat, 11 Oktober 2013.

Menurut Siaran Akhbar kementerian berkenaan yang dikeluarkan, perubahan tersebut bertujuan untuk mensejajarkan dengan tarikh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan bermula pada hari Rabu, 4 Zulhijah 1434 bersamaan 10 Oktober 2013.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Mesyuarat Pembentukan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-67 tahun pada tahun ini jatuh pada bulan Ramadan, maka turut dicadangkan bahawa majlis yang diadakan pada 15 Julai 2013 tersebut itu akan diubah pada waktu Zuhur dan Asar," ujar Awang Haji Jamain.

Pegawai DBM, Awang Haji

Mesyuarat bincang acara Perayaan Hari Keputeraan Ke-67

Jamain bin Momin, selaku Pengurus dalam ucapan alu-aluannya berkata Mesyuarat Jawatankuasa Di Peringkat Kebangsaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah diadakan pada 27 Februari 2013. Antara acara-acara utama yang akan diungkayahkan pada peringkat kebangsaan ialah Majlis Doa Kesukuran, Sembahyang Berjemaah diikuti Sembahyang Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, Doa Kesukuran di masjid-masjid utama dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah.

"Memandangkan tarikh ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun 2013 bagi Daerah Brunei dan Muara, di sini.

Awang Haji Jamain menambah, selain itu acara-acara bercorak keagamaan juga akan

diadakan iaitu Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali Khatam Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 30 Julai 2013 bertempat di Istana Nurul Iman.

Di samping itu, katanya, majlis-majlis tertentu dan acara-acara sampingan akan turut dianjurkan bagi membariga dan menyemarakkan sambutan perayaan selepas Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tarikh-tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Beliau berkata acara keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat bagi DBM diadakan pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

Acara lumba perahu tidak lagi dimasukkan sebagai salah satu acara utama seperti tahun-tahun yang sudah kerana ianya sudah dikendalikan sebagai aktiviti tahunan oleh Jawatankuasa Regata Negara Brunei Darussalam pada setiap bulan Januari dan Februari.

Seterusnya beliau mendaangkan agar Perlawanan Bola Sepak Kementerian-kementeri-

an yang tidak dianjurkan tahun lepas akan diadakan semula pada tahun ini.

Beliau berharap pengurus-pengurus dan jawatankuasa-jawatankuasa bahagian mengamalkan sikap berjimat cermat dan besederhana dalam membelanjakan peruntukan yang disediakan serta mengikut garis pandu seperti yang dipohonkan kerana peruntukan yang diberikan adalah terhad.

Mesyuarat turut membincangkan mengenai laporan kewangan, pelantikan jawatankuasa tadbir tertinggi dan membincangkan mengenai dengan cadangan acara Perlumbaan Motor Sprint.

Turut hadir ialah Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Md. Yussof.

Juga hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun 2013 bagi DBM.

Buku : Media utama penyebaran sumber maklumat

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Siti Zaleha Haji Jalil
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. – Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Hari Terbuka Perpustakaan sempena Hari Buku Sedunia 2013 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Tingkatan Enam Katok, di sini.

Hari Terbuka Perpustakaan itu merupakan salah satu acara projek tahunan yang diadakan sebagai manifestasi kepada kepentingan buku sebagai media utama dalam penyebaran sumber maklumat kepada seluruh warga dunia.

Hadir selaku tetamu kehormat Hari Terbuka Perpustakaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos yang juga menyampaikan ceramah dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang peraduan Menyambung Karangan.

Dalam ceramahnya yang bertajuk ‘Buku Pelita Hidupku’, Awang Haji Mohd. Rozan menerangkan mengenai kepentingan membaca. Kata-nanya, membaca buku adalah satu sikap yang sangat-sangat diperlukan untuk kita berfungsi di dalam masyarakat. Hari ini kerana iaian adalah kemahiran utama untuk mendapatkan pekerjaan yang baik.

“Membaca adalah penting kerana ia memperkembangkan minda kita. Minda kita ini adalah sebagai otot ataupun muscle. Ianya juga perlu diberikan exercise. Memahami perkataan ialah satu daripada cara mempertingkatkan keupayaan minda,” ujarnya.

Menurutnya, membaca membolehkan kita membuat penemuan baru yang mana buku-buku, majalah dan juga internet adalah merupakan peralatan pembelajaran yang memerlukan seseorang membaca dan memahami apa yang dibaca selain kupayaan

membaca juga penting untuk mempunyai imej diri yang positif.

Beliau juga menjelaskan bahawa membaca itu penting untuk meningkatkan kemahiran membaca, ejaan dan juga penyeputan, di samping memperkembangkan kosa kata atau *vocabulary* dengan mengenal perkataan-perkataan baru yang boleh digunakan kemudian.

Tambahnya, membaca memenuhi masa kita dan dengan membaca, masa tidak terbiar kerana ianya juga membantu pembaca untuk menghilangkan fikiran yang mengusutkan serta menghilangkan tekanan atau stress dan membantu minda untuk memikirkan hal-hal lain.

Sementara itu, Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin dalam ucapannya berkata, sambutan Hari Buku Sedunia di Negara Brunei Darussalam mula diadakan pada tahun 2012 dengan pengisian besarnya Hari Terbuka Perpustakaan dengan matlamat Memperkasa Budaya Membaca.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa menyampaikan ceramah Hari Terbuka Perpustakaan.

Menurutnya lagi, Hari Terbuka Perpustakaan diadakan serentak di sembilan buah perpustakaan di keempat-empat daerah dengan tema tahun ini ‘Buku Pelita Hidupku’ dengan pengisian berbagai-bagai acara dan kegiatan.

Hari Terbuka Perpustakaan adalah bagi menunjung hasrat dan saranan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai kepentingan memperkasa budaya membaca dalam kalangan belia dan masyarakat umum celik ilmu pengetahuan dan bermaklumat.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memasya-

rakatkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan masyarakat Brunei dan mengangkat kedudukan perpustakaan sebagai tempat rujukan dan mendapatkan maklumat yang ulung dan seterusnya dapat melestarikan pembelajaran sepanjang hayat untuk mencapai objektif Wawasan 2035.

Hari Buku Sedunia di Daerah Belait meriah



MURID-MURID Sekolah Rendah Kuala Belait mengikuti aktiviti bermain ejaan berupa memadankan perkataan seerti Bahasa Melayu Baku dengan Bahasa Melayu Brunei.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarallie

KUALA BELAIT, Selasa, 23 April. - Sempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2013, semua sembilan perpustakaan cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di keempat-empat daerah negara ini serentak mengelolakan pelbagai aktiviti bagi memeriahkan sambutan tersebut.

Di Cawangan Perpustakaan Kuala Belait, Perpustakaan Seria dan Perpustakaan RPN Kampung Pandan, sambutan diadakan pada 23 April dan pada hari penutup 29 April 2013 dengan perisian-perisian aktiviti yang melibatkan penyertaan murid-murid sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan.

Pada tarikh yang sama perpustakaan Kuala Belait, telah mengelolakan Sesi Bercerita dan Aktiviti Bermain Ejaan yang dimulakan dari

pukul 9.30 pagi hingga 11.30 pagi dengan menjemput murid-murid Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien' dan Sekolah Rendah Kuala Belait yang mana setiap sekolah disertai kira-kira 50 murid.

Sesi bercerita dan aktiviti bermain ejaan disampaikan oleh dua orang Pemangku Perpustakaan Tingkat II, Dayang Hajah Armah binti Haji Bair dan Dayang Norhafizah binti Mostaffa.

Sebelum sesi dimulakan, murid-murid terlebih dahulu mendengar penerangan ringkas mengenai peraturan dan tatatertib ketika mengunjungi perpustakaan serta tatacara memohon menjadi ahli perpustakaan yang disampaikan oleh Pemangku Perpustakaan Tingkat I, Dayang Suziana binti Mos @Mostaffa.

Pada hari penutup nanti akan

diadakan acara Peraduan Mewarna Kulit Buku yang dibahagikan kepada dua kategori meliputi kategori kanak-kanak berumur lima hingga lapan tahun dan kanak-kanak berumur sembilan hingga 12 tahun.

Pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga pada hari-hari berkenaan akan menerima plak, buku dan majalah terbitan DBP Brunei dan *note pad*, manakala selebihnya tujuh orang akan menerima hadiah saguhati.

Murid-murid yang hadir pada hari-hari tersebut akan diberikan setiap seorang cenderamata berupa buku dan majalah terbitan DBP Brunei.

Sementara itu Perpustakaan Cawangan Seria pada 23 April mengadakan Sesi Bercerita dan Aktiviti Teka Silang Kata, manakala Perpustakaan Cawangan RPN Kampung Pandan pula mengadakan Sesi Betampal dan acara pada hari penutup di selaraskan di ketiga-tiga perpustakaan di Daerah Belait.

Selain acara dan aktiviti-ak-

tiviti berkenaan, pihak perpustakaan juga menyediakan acara sambutan bagi orang ramai yang berkunjung ke perpustakaan 23 April sehingga hari penutup nanti berupa soalan kuiz mengenai perpustakaan dan Peraduan Meneka Jumlah Buku.

Sambutan yang merupakan kali kedua diadakan ialah salah satu acara projek tahunan anjuran Bahagian Perpustakaan

DBP sebagai manifestasi kepada kepentingan buku sebagai media utama dalam penyebaran dan penyampaian sumber maklumat kepada seluruh warga dunia.

Sambutan bertujuan antara lain bagi menunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan

dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan, di samping memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Brunei.

Antara buku dan majalah terbitan DBP Brunei seperti Jurnal, Bahana, Mekar, Juara, Pengail, buku-buku cerita rakyat Brunei, sajak, puisi dan legenda Brunei. Tema sambutan pada tahun ini ‘Buku Pelita Hidupku’.

Semai minat membaca kalangan murid

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 23 April. - Murid-murid sekolah rendah di daerah ini tidak ketinggalan dalam sama-sama meraikan Sambutan Hari Buku Sedunia 2013 dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang telah disusun bersempena sambutan berkenaan.

Aktiviti-aktiviti yang telah disediakan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Temburong di Pekan Bangar bagi penyertaan murid-murid di daerah ini ialah Mewarna Kulit Buku, Mari Adik Membaca dan Bercerita.

Dengan menyertai aktiviti-aktiviti seumpamanya diharap akan dapat menyemai minat suka dan gemar membaca dalam kalangan murid-murid ke arah melahirkan generasi yang berinovatif, kreatif dan berdaya

saing serta berfikiran positif.

Sambutan Hari Buku Sedunia 2013 yang bertemakan ‘Buku Pelita Hidupku’ merupakan salah satu projek tahunan yang diunggah oleh Bahagian Perpustakaan, DBP.

Selain untuk memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Brunei, sambutan juga sebagai menunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan.

Di samping itu, dengan adanya sambutan seumpamanya diharap akan dapat memasyarakatkan budaya membaca dan membudayakan mesra perpustakaan serta merealisasikan pembelajaran sepanjang hayat ke arah melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat dan berpengetahuan.



ANTARA para murid yang menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Temburong bersempena Sambutan Hari Buku Sedunia 2013.

Pameran 'Budaya Borneo Dalam Koleksi Brunei dan The Netherlands'



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar merasmikan Pameran 'Budaya Borneo dalam koleksi Brunei dan The Netherlands'.

TUTONG, Selasa, 23 April. - 'Budaya Borneo Dalam Koleksi Brunei dan The Netherlands' (Borneo Culture

in Brunei and Dutch Collections) yang telah dipamerkan di Muzium Brunei selama dua minggu mulai 21

Januari 2013 ini sempena Lawatan Negara Queen Beatrix of the Netherlands kini dipamerkan di Daerah Tutong

Rombongan Dakwah Pontianak lawat Masjid Omar 'Ali Saifuddien

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Rombongan seramai 10 orang ahli yang menyertai Program Lawatan Dakwah dari Lembaga Masjid Munzalan Mubarakah, Pontianak, Indonesia mengadakan lawatan ke Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Ketibaan rombongan yang diketuai oleh H. M. Nurhasan di alu-alukan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan dari masjid berkenaan dan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Rombongan diiringi oleh Ketua Kampung dan Pegawai-pegawai Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong.

Acara lawatan dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dari wakil rombongan, diikuti dengan ucapan alu-aluan dan penerangan sejarah masjid tersebut oleh Mudim Haji Amran bin

Haji Md. Salleh serta ucapan balas wakil rombongan, Ustaz Uzlah Maulana Muhamimin.

Semasa berada di sini rombongan berkesempatan melawat kawasan dalam dan luar bangunan masjid tersebut.

Rombongan tiba di negara ini Isnin lepas dan mengakhiri lawatan selama tiga hari pada hari ini.

Semasa berada di negara ini rombongan sempat mengunjungi Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, mengunjungi rumah Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong, melawat Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Masjid Ash-Shaliheen, Jame' Asr Hassanal Bolkiah di Daerah Brunei dan Muara dan Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Penyertaan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan dibuka

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 13 April. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan menganjurkan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Kebangsaan 1434H/2013M.

Musabaqah tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Qur'an dalam kalangan belia di negara ini serta memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan dan seterusnya sebagai persediaan pemilihan wakil ke Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Penyertaan dibuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap yang memegang kad pintar berwarna ungu serta tidak memegang pasport negara-negara asing dan hendaklah berumur di antara 17 hingga 22 tahun yang lahir di antara 1991 hingga 1996 serta tidak pernah menyertai pertandingan-pertandingan seperti Musabaqah Tilawatil Qur'an Peringkat Akhir Kebangsaan Dewasa ajuran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Majlis Tilawatil Membaca Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau tidak pernah

menjadi johan Musabaqah Tilawatil Qur'an Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Borang-borang penyertaan boleh didapati di Tingkat 3, Bahagian Belia, JBS, Bangunan KKBS atau di Cawangan-cawangan JBS di keempat-empat buah daerah dan hendaklah dikembalikan tidak lewat hari Selasa, 30 April 2013 pukul 4.30 petang.

Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi Dayang Madiah Raneya binti Haji Paun pada talian 2381903/4/5 sambungan 1301 atau dengan Ketua-ketua Cawangan Belia dan Sukan di daerah-daerah.

Berita dan Foto : Aryenty Haji Ariffin

selama tiga bulan.

Pameran tersebut dilancarkan oleh tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, berlangsung di Galeri Bangunan Lama Jabatan Daerah Tutong, di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya Pengarah Muzium-Muzium, Awang Bantong bin Antaran berkata pameran yang berupa gambar-gambar dan artifak budaya ini mengandungi bahan-bahan yang dikumpul pada tahun 1870 -1940an dari beberapa buah daerah di Borneo khususnya Kalimantan, Indonesia, Sarawak dan Negara Brunei Darussalam.

"Pameran menggambarkan corak hidup atau peralatan budaya yang digunakan pada zaman berkenaan di Borneo khususnya di daerah Kalimantan dan Sarawak dan

apa yang menarik bahawa walaupun gambar-gambar ini ada yang berusia melebihi 100 tahun, terdapat beberapa jenis dari peralatan yang digambarkan masih digunakan oleh sebahagian masyarakat Borneo terutama sekali di kawasan pedalaman, sebagai contoh sumpit yang masih digunakan oleh sebahagian masyarakat Borneo untuk memburu binatang hutan," jelas beliau.

Pameran bertujuan memberi peluang kepada penduduk di daerah itu menyaksikannya, di samping menarik orang ramai berkunjung ke Daerah Tutong.

Ianya merupakan salah satu usaha kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Belanda melalui muzium, khusus mengenai Kepulauan-Borneo walaupun sejarah Negara Brunei Darussalam tiada berkait dengan Negara

Belanda.

Bagaimanapun pameran secara sosial banyak berkait dalam bidang perekonomian dan pembangunan negara.

Pameran tersebut merupakan usaha kedua muzium mempamerkan bahan-bahan kongsi sama daripada simpanan masing-masing, yang mempunyai kaitan dengan Kepulauan Borneo antara tahun 1870-1940an, antaranya peta Borneo yang dilukis dengan tangan.

Pameran dianjurkan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan Tropenmuseum, Netherlands dengan kerjasama Pejabat Daerah Tutong.

Hadir sama Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali.

Pameran dibuka untuk kunjungan orang ramai setiap hari bekerja mulai 9.00 pagi hingga 4.30 petang dan masuk adalah percuma.

Pelan strategik tangani jemaah haji, umrah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Menteri Urusan Haji Kerajaan Arab Saudi, Dr. Bandar bin Mohammad menerangkan bahawa Kementerian Haji sedang membuat pelan strategik baru bagi jangka masa 25 tahun untuk Urusan Haji dan Umrah, dalam rangka mengantisipasi penambahan jumlah jemaah haji, umrah dan pelawat serta keterbatasan tempat-tempat pelaksanaan ibadah haji.

Dr. Bandar berkata bahawa Jawatankuasa Teknikal yang bertanggungjawab ke atas pelan strategik ini dan yang telah ditubuhkan pada tahun 2012 berdasarkan perintah diraja kini bekerja untuk memuktamadkan pelan tersebut yang dijangka akan selesai dalam waktu terdekat.

Menteri Urusan Haji itu menekankan bahawa Kerajaan Arab Saudi tidak mengenakan sebarang caj ke

atas jemaah haji sama ada untuk bayaran visa atau perkhidmatan lain yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk jemaah.

Dr. Bandar juga memastikan bahawa sebarang pembayaran yang dibayar oleh jemaah haji adalah di bawah sektor swasta atau agensi-agensi haji yang bertanggungjawab atas akomodasi dan pengangkutan.

Dr. Bandar juga menerangkan bahawa salah satu pelan masa depan yang akan dilaksanakan oleh kementeriannya adalah sistem maklumat digital yang membolehkan jemaah untuk mengakses semua perkhidmatan yang ditawarkan kepada mereka sebelum belayar sehingga kembali ke negara mereka, termasuk proses cap jari yang akan dilakukan di negara asal mereka untuk mengelakkan kesesakan di Lapangan Terbang King Abdul Aziz Jeddah.

Penutupan Padang Hoki di Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 April. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sukacita memaklumkan bahawa Padang Hoki di Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah akan ditutup penggunaannya kepada orang ramai mulai 1 Mei 2013 disebabkan kerja-kerja pemeliharaan dilaksanakan sehingga kerja-kerja tersebut selesai.

UBD, Universiti Zhejiang tandatangani Perjanjian Kerjasama Bersama (JCA)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama Bersama (JCA) telah diadakan pada 5 April 2013 di antara Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Zhejiang, di Hangzhou, China.

Penandatanganan ini menyusuli Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke China pada 5-7 April 2013.

Di bawah perjanjian tersebut, satu program ijazah bersama dalam kimia dan proses kejuruteraan akan diperkenalkan pada bulan Ogos 2013 yang akan melibatkan pengajian di

kedua-dua UBD dan Universiti Zhejiang dengan peluang pengalaman industri di China.

Program baru ini diharap dapat menyokong industri proses kimia, termasuk petroleum, bahan kimia, farmaseutikal dan kesihatan, kosmetik, penjagaan rumah, pertanian dan makanan, alam sekitar dan sektor elektronik.

Industri-industri ini telah menghadapi cabaran dramatik sosial, ekonomi dan teknikal yang mengakibatkan perubahan besar dan pesat dalam skop aktiviti mereka.

Oleh itu, portfolio kemahiran dan pengetahuan teknikal yang diperlukan jurutera produk kimia juga telah

berubah dan program kerjasama ini bertujuan untuk menguasainya.

Di samping itu, kedua-dua institusi juga akan meneruskan pelbagai aktiviti penting seperti pertukaran ahli-ahli fakulti, kakitangan penyelidikan, pelajar dan penerbitan.

Menandatangani bagi pihak Fakulti UBD Teknologi Bersepadu (FIT) dan Fakulti Zhejiang Universiti Kejuruteraan adalah Pengiran Dr Iskandar bin Pengiran Haji Petra, Pemangku Dekan FIT, dan Profesor Li Bogeng, Pengarah Fakulti Kejuruteraan masing-masing.

Hadir menyaksikan acara yang penuh bermakna tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dato Paduka

Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi yang juga Naib Canselor UBD.

Universiti Zhejiang ditubuhkan pada tahun 1897 merupakan salah satu institusi yang tertua pendidikan tinggi China.

Ia adalah ahli Kumpulan C9, bergabung 9 universiti paling berprestij di China.

Pada tahun 2011, Universiti Zhejiang dinamakan universiti terbaik di China dan menurut kedudukan Indikator Sains Penting (ESI), kedudukan Universiti Zhejiang dalam kalangan satu peratus teratas dalam 15 bidang, dalam empat daripada yang disenaraikan dalam 100 teratas akademik di institusi dunia.

Ini adalah majlis menandatangani kedua yang melibatkan kedua-dua institusi.

Yang pertama adalah satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai 2012 untuk memudahkan perbincangan bagi program-program yang lebih khusus kerjasama, pertukaran pelajar yang berpotensi, program bersama dan penyelidikan.

Mengikuti hasil kerjasama positif terutamanya dalam kalangan kedua-dua fakulti kejuruteraan, ini telah mengukuhkan lagi dan menggalakkan perkongsian dengan menuliskan perjanjian kerjasama di antara mereka.

Perairan NBD terjejas air kemerah-merahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Laporan terkini pada 22 April 2013 hasil pemantauan laut menunjukkan bahawa kawasan-kawasan perairan Negara Brunei Darussalam masih lagi terjejas oleh air kemerah-merahan.

Orang ramai terutama sekali nelayan-nelayan adalah ditegah untuk menangkap ikan di perairan yang terjejas dan untuk tidak mengutip ikan-ikan yang didapati mati di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

Terutama sekali nelayan-nelayan

untuk tidak menangkap ikan dan mengambil kerang-kerangan di perairan yang terjejas dan untuk tidak mengutip ikan-ikan yang didapati mati di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai peringatan dan langkah berjaga-jaga orang ramai adalah diingatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman sebelum dimasak.

Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak memakan ikan-ikan kecil yang tidak dapat dibuang insang, perut dan organ-organ dalaman serta kerang-kerangan dan

ikan dari kawasan yang terjejas atau tidak tempat asalnya.

Jabatan Perikanan masih lagi meneruskan kerja-kerja pemantauan ke atas kejadian air kemerah-merahan ini.

Orang ramai, terutama sekali nelayan-nelayan boleh membantu Jabatan Perikanan dengan melaporkan sebarang kejadian perubahan warna air dan jika menjumpai ikan-ikan mati dalam jumlah yang banyak di kawasan perairan dan pantai-pantai Negara Brunei Darussalam melalui talian-talian berikut 2770066 (waktu bekerja) 8614867 dan 8878833.

RENCANA

Peralatan canggih bantu sebarkan maklumat

Oleh : Azman Haji Abdul Rahim

SATU perkembangan ketara yang berlaku dalam Sidang Kemuncak ASEAN 2013 ialah penggunaan peralatan dan program canggih yang memudahkan perhubungan antara satu pihak dengan pihak yang lain. Bukan sahaja satu kemudahan kepada pihak media bagi penyaluran maklumat secara lebih berkesan, cepat dan efektif, peralatan atau program perisian komputer tersebut juga membantu dalam mendapatkan maklumat-maklumat tambahan daripada pelbagai sumber.

Negara Brunei Darussalam pernah menjadi tuan rumah Persidangan Kemuncak ke-7 pada tahun 2001. Pada masa itu peralatan seperti telefon bimbit, komputer riba dan gambar bercetak telah digunakan tetapi terhad. Walau bagaimanapun, peralatan dan program komputer berkenaan sudah dianggap canggih dalam membantu penyelesaian kerja.

Namun, kini terdapat banyak peralatan dan program komputer atau telefon bimbit yang ternyata lebih hebat dari segi penggunaannya telah diperkenalkan dan digunakan secara berleluasa di dunia termasuk di Negara Brunei Darussalam. Siapa tidak kenal dengan Facebook, Tweeter dan banyak

lagi program rangkaian sosial ternyata lebih mudah menghubungkan seorang pengguna dengan pengguna yang lain dalam masa yang singkat. Hari ini, banyak lagi aplikasi yang lebih berdaya maju telah direka dan 'bak cendawan tumbuh selepas dilanda hujan'.

Salah satu aplikasi yang paling ketara banyak digunakan semasa Sidang Kemuncak ASEAN 2013 ialah Whatsapp. Mudah digunakan, Whatsapp menyediakan khidmat perhubungan yang lebih baik berbanding e-mel kerana mudah digunakan serta boleh disertakan dengan gambar sekali. Bahkan gambar yang baru diambil sebentar tadi sudah boleh dihantar kepada bakal si penerima lengkap dengan maklumat-maklumat terkini. Pendek kata, kejadian atau peristiwa yang baru saja berlaku, walau apapun bentuk kejadiannya, akan disebarluaskan dengan sekilip mata. Lebih daripada itu, si penerima boleh pula memberikan respons atau menyebarkan maklumat yang sama kepada pengguna-pengguna yang lain lagi.

Nampaknya perkembangan teknologi tidak ada hadnya. Hari demi hari ada sahaja perkara baru

diperkenalkan yang bertujuan untuk menjadikan kehidupan manusia lebih mudah dan senang. Tidak dipastikan apa lagi yang akan muncul selepas ini atau beberapa tahun yang akan datang. Yang pasti pada waktu ini sememangnya sudah ada peralatan baru yang masih dalam peringkat ujian atau percubaan. Misalnya, kita pernah mendengar tentang penciptaan telefon

bimbit berbentuk jam dan telefon yang tidak memerlukan sentuhan jari untuk mendail, cukup sahaja paparan nombor dengan menggunakan pandangan mata.

Dari segi penghasilan gambar, ternyata Persidangan Kemuncak ASEAN 2013 tidak ketinggalan dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu berbentuk digital yang lebih baik

berbanding dengan menggunakan filem. Gambar digital boleh diubah suai dan diperbaiki dengan menggunakan program-program yang khusus direka bagi tujuan tersebut. Kebaikan seperti ini telah membantu gambar dihasilkan sebaik mungkin dan tidak mudah berlaku pembaziran dari segi pencetakan dan sebagainya.



Kolam renang ditutup sementara

JABATAN Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan bahawa penggunaan Kolam Renang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah akan ditutup penggunaannya kepada orang ramai mulai 26, 27 dan 28 April 2013 bagi Brunei Age Group 2013 yang akan diadakan pada tarikh tersebut.

Pengagihan baju dan nombor bib Larian Hari Kebangsaan 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 24 April. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan kepada peserta-peserta yang akan menyertai Larian Hari Kebangsaan 2013 di Daerah Brunei dan Muara bahawa pengagihan baju larian dan nombor bib akan diadakan pada hari Sabtu, 27 April 2013 bertempat di Letak Kereta VIP, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Pengagihan baju larian dan nombor bib bagi Kategori Lelaki Terbuka, Kategori Wanita Terbuka, Kategori Veteran Lelaki dan Kategori Veteran Wanita akan bermula pukul 9.00 pagi hingga 10.00 malam, sementara bagi Kategori Remaja Lelaki, Kategori Remaja Perempuan dan Kategori Fun Run akan bermula pada pukul 2.00 petang hingga 8.00 malam.

172 murid khatam Al-Qur'an

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

GADONG, Ahad, 21 April. - Seramai 172 murid Skim Khatam Al-Qur'an Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah menamatkan pembacaan mereka dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an 30 juz sejak menyertai skim berkenaan dengan bimbingan tujuh orang tenaga guru.

Skim Khatam Al-Qur'an berkenaan terdiri daripada 75 murid lelaki dan 102 murid perempuan serta ada di antara mereka mula menyertai skim tersebut sejak berusia empat tahun, bermula dengan mengikuti Kelas Bimbingan Ugama ke Kelas Muqaddam hingga kepada Kelas Al-Qur'an.

Setelah tamat pembacaan Al-Qur'an dan Khatam Al-Qur'an, mereka juga akan berpeluang melanjutkan ke Skim Kelas Lanjutan Al-Qur'an di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang memfokuskan

pembelajaran Al-Qur'an secara bertajwid dan bertarannum.

Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat yang juga memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al Faatihah.

Terdahulu dari itu, majlis dipersembahkan dengan bacaan tausyeh oleh peserta skim dan peserta skim lanjutan diikuti dengan bacaan zikir beramai-ramai.

Bacaan khatam diteruskan dengan membaca Surah An-Naba' oleh peserta lelaki dan Surah An-Naazi'aat dari peserta perempuan, manakala bacaan Doa Khatam dipimpin oleh tiga orang peserta skim lelaki, sementara

persebahan Dikir Marhaban dibacakan oleh para pelajar Kelas Dewasa dan Kumpulan Muslimah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil khatam kepada para peserta oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Suhaili bin Haji Metali Al Hafiz.

Para peserta khatam diingatkan untuk terus mempelajari Al-Qur'an dan menjadikan pembacaan Al-Qur'an sebagai amalan harian dan memahami isi kandungannya untuk diperlakukan dalam kehidupan sehari-hari.

Usaha ini juga adalah bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi melahirkan rakyat yang cekal Al-Qur'an dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Setakat ini seramai 1,283 peserta



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menyampaikan sijil kepada seorang murid Kelas Skim Khatam Al-Qur'an Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

skim telah khatam sejak skim berkenaan diperkenalkan pada tahun 1998.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan KHEU serta para ibu bapa peserta skim.

Peserta kursus didedahkan mengenai ibadat zakat

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Masri



PULAI, Khamis, 18 April. - Seramai 49 peserta Kursus Pengukuhan Islam iaitu Kursus Fiqh Az-Zakat menerima sijil mereka setelah menamatkan kursus yang dikendalikan oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta kursus disempurnakan oleh Ketua Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, PDI, Dayangku Haslina binti Pengiran Haji Piut selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Fiqh Az-Zakat yang berlangsung di bilik Al-Muhazzib dan bilik Al-Basyir, Bangunan Darul Huda, PDI.

KETUA Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Dayangku Haslina binti Pengiran Haji Piut selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada seorang peserta Kursus Fiqh Az-Zakat yang berlangsung di bilik Al-Muhazzib dan bilik Al-Basyir, Bangunan Darul Huda, PDI.

berlangsung di bilik Al-Muhazzib dan Bilik Al-Basyir, Bangunan Darul Huda, PDI, di sini.

Kursus Pengukuhan Islam iaitu Kursus Fiqh Az-Zakat selama empat hari yang bermula 15 hingga 18 April itu bagi pegawai-pegawai kerajaan di Negara Brunei Darussalam.

Kursus tersebut juga merupakan rancangan tahunan bahagian unit berkenaan yang antara lain objektifnya ialah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai rukun Islam yang keempat, memberikan kefahaman yang betul mengenai ibadat zakat dan melahirkan kesedaran mengenai kewajipan mengeluarkan zakat.

Antara isi kandungan kursus yang diketengahkan ialah mengenai pengertian zakat, dalil kewajipan zakat, hubungan zakat dengan

sembahyang, zakat dan perhubungan persaudaraan dan jenis-jenis zakat.

Para peserta juga diberikan penerangan dan pemahaman khusus mengenai Zakat Fitrah berdasarkan pengertiannya, hukum, syarat-syarat wajib zakat, kadar zakat, orang yang berhak menerima zakat, waktu mengeluarkan zakat dan zakat fitrah pada diri dan keluarga, zakat harta benda, hikmah mengeluarkan zakat serta pentadbiran dan pelaksanaan zakat di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, PDI berharap dengan adanya kursus sebegini akan dapat memberikan kefahaman kepada para peserta dengan mengulang kaji pengetahuan yang ada serta meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada dengan mengamalkan dan menghayati ajaran Islam dengan penuh yakin serta takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Brunei - Indonesia kukuhkan jalinan bidang keagamaan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 23 April. - Hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia tidak hanya terjalin pada peringkat tertinggi tetapi ianya juga dikukuhkan melalui jalinan pada peringkat masjid dan pertubuhan.

Sehubungan itu, Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel Mukim Kiudang mengalukan lawatan silatulrahim rombongan Lembaga Masjid Munzalan Mubarakan dengan kerjasama Mujahidin Madani Televisyen (M2TV) Pontianak, Kalimantan Barat ke negara ini.

Rombongan seramai sepuluh orang itu diketuai oleh Bapak Nur Hasan yang disertai oleh Bapak Uzlah Maulana Muhamimin, seorang dari Mujahidin Madani

Antara kegiatan harian yang dijalankan di masjid tersebut termasuklah membaca Ratib Al-Attas, membaca Surah Yaa Siin, mengadakan ceramah dan menjalankan skim pembacaan Al-Qur'an setiap hari Jumaat dan Ahad bagi anak-anak di Mukim Kiudang dan kampung sekitarnya.

Sementara itu, dalam uca-

pan balasnya, Bapak Uzlah Maulana Muhamimin antara lain menjelaskan tujuan rombongan untuk mengeratkan hubungan muslimah antara masjid khususnya dan amnya bagi penduduk Islam di negara ini, jelasnya.

Masjid Munzalan Mubarakan pada setiap hari Sabtu mengadakan Majlis Tafsiran

Al-Quran yang mana setiap jemaah masjid diperlukan membawa tafsiran Al-Qur'an dengan mengundang seorang penceramah bagi membaca Al-Qur'an dan tafsirnya yang kemudian disusuli dengan membincangkan isi kandungan dan tafsiran yang telah dibacakan.

Terdahulu dari itu, majlis

dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, membaca Ratib Al-Attas dan bacaan Al-Qur'an dengan tafsirnya sebelum diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak diikuti dengan persebahan Rawi oleh Kumpulan Muslimah Masjid Pengiran Muda Abdul Wakeel.



LAWATAN diselajurkan dengan membaca Ratib Al-Attas, membaca Surah Yaa Siin dan beberapa acara keagamaan.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohammad Salleh (tiga dari kiri) semasa hadir pada Tazkirah Menjelang Peperiksaan (Teknik Mengulang Kaji Pelajaran Yang Berkesan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 April. - Bagi membantu ahli Kumpulan Belia Masjid khususnya dan para pelajar amnya dalam mempersiapkan diri menghadapi peperiksaan, Jabatan Hal Ehwal

Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Belia, Bahagian Imarah mengadakan Tazkirah Menjelang Peperiksaan (Teknik Mengulang Kaji Pelajaran Yang Berkesan) bagi ahli kumpulan

Tazkirah Menjelang Peperiksaan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Asri Haji Awang Abas

dan para pelajar tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat pada tazkirah yang berlangsung dalam Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, di sini ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohammad Salleh.

Juga hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Mohammad Aliyani bin Ismail, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JHEM, Ahli-ahli Jawatan-kuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Kumpulan Belia Masjid serta penduduk kampung yang tinggal di

sekitarnya.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan, Awang Haji Jofri bin Haji Abidin disusuli dengan Acara Tazkirah Menjelang Peperiksaan yang dipengerusikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumaat.

Ahli panel tazkirah itu terdiri daripada Pegawai Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Pengiran Hami Osmera bin Pengiran Haji Othman.

Acara diikuti dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah

dari Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Awang Isham bin Haji Ismail.

Ceramah antaranya menyentuh mengenai teknik membantu pelajar mengulangi pelajaran yang berkesan menurut perspektif Islam dan secara psikologi selain membincangkan cara membangkitkan semangat belajar dalam kalangan pelajar terutama mereka yang bermasalah dan lemah dalam pelajaran.

Tazkirah tersebut diharap dapat memberikan *input* yang terbaik dalam mengatasi sebarang permasalahan mengulang kaji pelajaran yang kurang berkesan yang sering dihadapi oleh pelajar, di samping memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar tentang perlu mustahaknya ilmu pengetahuan demi mempersiapkan diri ke arah individu pelapis yang berwibawa pada masa hadapan.

Cawangan Operasi 'G' JBP anjur kempen derma darah



PENGUASA Kanan Bomba dan Penyelamat, Mohd. Yudieswandi bin Bakar semasa mendermakan darah dalam kempen derma darah sempena Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-53 Tahun di Balai Bomba Bangar.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Khamis, 18 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) merupakan sebuah agensi yang berperanan penting dalam menjaga kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam menjangkau usia penuhannya ke-53 tahun, peranan dan tugas JBP terus berkembang bukan saja merangkumi tugasannya memadam kebakaran, malahan juga menjurus kepada skop yang lebih meluas dan mencabar.

Salah satu tugasannya ialah menghulurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan umpannya para pesakit yang memerlukan bantuan

derma darah.

Oleh itu sempena Ulang Tahun Penubuhan JBP Ke-53 Tahun Cawangan Operasi 'G' JBP mengadakan kempen derma darah di Balai Bomba Bangar yang juga disertai oleh Pengguna Kanan Bomba dan Penyelamat Mohd. Yudieswandi bin Bakar.

Selain itu, kempen derma darah juga bertujuan bagi membantu Unit Simpanan Tabung Darah, Kementerian

Kesihatan dalam usaha sebagai penyelamat nyawa masyarakat di negara ini yang memerlukan bantuan darah.

Kempen derma darah turut dibukakan kepada para pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan, ahli-ahli persatuan-persatuan belia dan badan kebajikan, syarikat-syarikat swasta dan para penduduk di daerah ini.

Antara kelayakan bagi menderma darah ialah penderma berusia 18 tahun ke atas dengan berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram serta berbadan sihat.

MAKLUMAN

Kursus Pendek Urusan Rumah Tangga dibukakan

JABATAN Pendidikan Teknik (JPT), Kementerian Pendidikan memaklumkan kepada orang ramai bahawa Kursus Pendek Urusan Rumah Tangga telah dibuka.

Antara kursus yang ditawarkan ialah: Asas Jahitan Manik Baju, Asas Jahitan Sarung Bantal Kusyen, Asas Jahitan Baju Kurung, Asas Jahitan Kain Langsir, Asas Jahitan Sarung Kerusi, Anyaman Manik Perhiasan (membutuh beg dan lapik meja), Jahitan Baju Gamis, 'Knitting' (Sulaman menggunakan dua jarum), Seni Gubahan Bunga dan Seni Sulam Kait atau Jahitan Krusye (Crochet stitch).

Tarikh akhir menghantar borang dan pembayaran sehingga 30 April 2013 semasa waktu pejabat.

Sila ambil borang dan membuat pembayaran di Bahagian Pendidikan Lanjutan, Simpang 347, Jalan Pasar Baru Gadong, JPT, Kementerian Pendidikan. Untuk keterangan lebih lanjut hubungi Dayang Alyani binti Haji Ismail di talian : 2422493.

JPT anjur Kursus Pendek Masakan

JABATAN Pendidikan Teknik (JPT), Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Kursus Pendek Masakan kini dibuka kepada orang ramai.

Antara jenis masakan yang ditawarkan ialah Kuih Karipap dan Kuih Apam Jepun, Kuih Sau Pau dan Cream Pup, Pelbagai jenis Tart, Kek Roll Tapak Kuda, Kek Roll Almond choco mini, membuat dan menghias Kek Cawan (*cup cake*), Kek Roll Peria, Kek Roll Daun, Kek Roll Legit Gulung Bentuk Segitiga, Kek Roll Roda, Kek Roll Bunga Tulip dan Kek Roll Daun Keladi.

Orang ramai yang berminat, boleh mengambil borang dan membuat pembayaran di Bahagian Pendidikan Lanjutan, Simpang 347, Jalan Pasar Baru Gadong, JPT, Kementerian Pendidikan.

Tarikh pendaftaran tidak lewat pada 30 April 2013. Untuk keterangan lebih lanjut hubungi Dayang Alyani binti Haji Ismail di talian : 2422493.



KURSUS Penghayatan Islam bagi para belia belum bekerja dimulakan dengan sesi 'Ice Breaking' disampaikan oleh Kaunselor Sekolah, Dayang Zaimah binti Haji Abdullah dan Dayang Hajah Siti Azizah binti Haji Wahsafelah.

meningkatkan kefahaman dan penghayatan ajaran agama Islam dalam kalangan belia dengan mengamalkannya sebagai cara hidup yang lengkap selain untuk meningkatkan penyebaran syiar Islam kepada para belia.

Di samping itu, kursus juga untuk memberi peluang kepada para belia yang tidak mempunyai pekerjaan untuk terlibat di dalam aktiviti-aktiviti

keagamaan selain dapat meluaskan skop di dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan secara menyeluruh kepada semua peringkat belia.

Selain itu, ia juga diharaskan dapat mencapai objektif dan peranan Unit Belia untuk melahirkan belia yang beriman, berakhhlak, berilmu, berupaya, berkemahiran, berdedikasi, berintegriti, berkualiti, produktif, dinamik dan kreatif.

Kerana Bunga Tulip

Oleh : Nurul Husna Binti Mohd. Ali

SELAMAT datang. Boleh saya bantu?" soal Nabilah yang sedang berdiri dihadapan kaunter kepada seorang wanita yang sedang memakai cermin mata hitam.

(Wanita itu membuka cermin mata hitamnya.) "saya nak makan...hmm..yang tu," tangannya menunjuk ke arah colonel Chicken Rice Combo.

"Cik yakin ke nak order yang ni?" soal Nabilah.

Wanita itu mengerutkan dahinya. "Ha'ah lah. Kenapa kalau saya order makanan tu?"

"Tak lah. Cik kena ingat, makanan ni berkoles-trol. Nanti kalau jadi apa-apa dengan Cik, siapa yang susah? Orang tua Cik juga. Saya tak nak lah ada apa-apa jadi dengan cik. Cik tahu tak, ayam yang Cik nak..."

"Eh, yang awak peduli sangat akan hal saya ni kenapa? Suka hati saya lah nak makan apa. Ada saya pikai wang awak nak beli makanan tu?" soal wanita itu, sedikit emosi.

Nabilah mengeleng "Eh, awak kena ingat si-ki.. awak tu cuma pekerja kat sini! Jangan nak ku-rang ajar dengan customer awak. Mana bos awak? Saya nak jumpa dia se-karang!"

Nabilah cuba meminta maaf kepada wanita dihadapannya apabila dia perasan orang lain sudah melihat ke arah mereka. Bagaikan satu drama. Namun wanita itu tetap ingin untuk berjumpa dengan bosnya. Nabilah menoleh kebelakang apabila terdengar suara bosnya. 'Mati aku kali ni..bi-sik hati Nabilah.'

"Saya nak awak pecat pekerja awak ni. Suka hati dia nak tegur apa yang saya patut makan dan ti-dak-patut makan," marah wanita itu sehingga pandangan tajamnya dipanahan-kan ke arah Nabilah. Na-bilah tertunduk.

"Maafkan saya Cik.

Maafkan juga atas kesala-han pekerja saya. Saya akan suruh pekerja lain ambil order Cik. Mari ikut saya." Ajak bos Nabilah, Tuan Nasir yang cuba berlebut dengan wanita se-paruh umur itu.

"Tak payah! Selera saya dah hilang!" bentak wanita itu. Kemudiannya dia ber-lalu meninggalkan Nabi-lah dan bosnya.

Nabilah bermain-main dengan jarinya. Dia tahu bosnya sedang meman-dangnya dengan

pandangan yang tajam. "Nabilah !!!" jerit bosnya. Nabilah menghampiri Tu-an Nasir.

"Mulai hari.. awak..saya pecat!" te-gas suara Tuan Nasir memberi kata muktamad. Nabilah tersentak.

"AKU harap aku dapat

lah kerja tu," ujar Nabilah sebaik dia mengambil tempat disebelah kawan serumahnya, Hana.

Mereka tinggal bersama-sama sejak tiga tahun yang lalu setelah Hana in-ginkan tinggal di sebuah apartmen. Tuan Haji Kamal, ayah Hana hanya me-nurut apabila Hana masih tetap berkeras untuk tinggal di apartmen dah akan membayar sewa apartmen itu sendiri. Dan ker-a itu, kini Nabilah tinggal bersama-sama dengan Hana. Di apartmen ber-sama-sama Hana.

"Kerja? Maksud kau.. kerja kat kedai bunga tu?" soal Hana inginkan kepas-tian. Nabilah mengangguk. Tiba-tiba apartmen Ha-na kedengaran hilaian ta-wa yang begitu kuat.

"Eh, Hana. Yang kau ketawa ni kenapa? Aku minta kau doakan lah, bukan ketawakan aku," Nabi-lah bersuara.

Setelah ketawanya reda, Hana mula bersuara. "Na-bilah sayang...aku bukan ketawakan kau, cuma aku ketawakan gaya kau yang berharap sangat nak dapat kerja tu," balas Hana.

Nabilah mengerutkan dahi. "Apa yang lucunya. Betul lah tu aku nak dapat kerja tu."

"Okay, aku nak tanya kat kau.. sepanjang kau kerja kat KFC, kedai pe-rabot, kedai baju, kedai computer, err.. ma-cam-macam kerja lagi lah. Berapa lama kau kerja kat setiap kedai tu?" soal Ha-na. Nabilah berfikir se-jenak kemudian tersengih. "Tak sampai dua hari pun.."

"Ahh, tahu tak apa,"

"Tapi bukan aku yang berhenti, mereka yang ber-henti kan aku."

"Memang lah mereka berhenti kan sebab kau asyik nak bankruptkan kedai mereka. Kau tau tak, sepatutnya kau tolong lah mereka dalam memajukan bisnes mereka, bukan menghancurkan," jelas Hana.

Nabilah terdiam. "Eh, tu bukan salah aku, kan aku buat benda yang baik. Aku tu jujur dalam berniaga. Kalau benda tu tak baik untuk pelanggan kita, mestilah aku halang. Betul tak?" Nabilah membetul-kan keadaan sebenar su-paya kawannya tidak me-nyalahkan kesalahan itu ke atasnya seratus peratus.

"Yang tu aku sokong lah, tapi kau kena ingat, orang yang nak beli barang tu bukan kawan kau, bukan kawan aku.. jadi itu hak mereka nak beli barang yang mereka suka. Kau kena ingat tu."

"Okay, Insha ALLAH, kalau aku dapat kerja kat kedai bunga tu, aku tak kan halang customer aku beli barang yang mereka suka, "Nabilah mengang-

guk tanda dia benar-benar memaksudkan kata yang di tuturkannya.

"Hmm..ya lah tu. Dulu pun kau cakap macam tu juga.. tapi hasilnya.. tetap sama juga," Hana menyin-dir.

Nabilah tersengih. "Ba-guslah kau dah faham, tapi aku tetap juga nak kerja kat situ sebab aku nak bayar sewa apartment ni. Kan dah dua bulan aku belum bayar."

Nurul Nabilah mempu-nyai wajah yang bersih, putih serta memiliki le-sung pipit yang menyerlahkan kecantikannya. Ki-ni dia sudah berusia 21 tahun. Ibu bapanya me-ninggal dunia pada hari terakhir dia menduduki peperiksaan besar A Level tiga tahun lalu kerana ke-malangan jalan raya. Usai sahaja selesai kedua orang tuanya dikebumikan, Ha-na yang merupakan teman baiknya sejak dari ting-katan satu mengajaknya untuk tinggal bersama-sama. Kesedihannya ter-hadap pemergian ibu ba-panya sedikit terubat apabila Hana sentiasa berada di sisinya setiap masa se-hingga dia menerima ajakan Hana untuk tinggal bersamanya sehingga ki-ni.

Awalnya Nabilah agak kekok dan merasa segan untuk tinggal di apartmen milik Hana kerana takut di katakan oleh Tuan Haji Kamal bahawa dia yang meracun fikiran Hana un-tuk tinggal bersendirian. Namun apabila Tuan Haji Kamal sendiri yang me-nyuruhnya menjaga Hana kerana Hana kadangkala mempunyai perangai yang agak keanak-anakan ker-a Hana merupakan anak tunggal Tuan Haji Kamal, Nabilah sekadar meng-angguk dan berjanji untuk menjaga Hana kerana dia tidak mahu kepercayaan orang terhadapnya hilang begitu sahaja. Namun dia tetap tidak akan lupa untuk membayar sewa setiap bulan walaupun Hana sering menghalangnya untuk membayar dengan mengatakan dia ikhlas menyuruh Nabilah tinggal di situ. Dia tidak mahu dikatakan mengambil kesempatan di atas kekayaan kawan baiknya ini.

"Nabilah, dah berapa kali aku cakap, kau tak perlu bayar sewa apartmen ni kan. Biar aku je yang bayar," Hana meng-ingatkan.

"Aku tahu..tapi aku te-tap akan bayar juga. Aku tak sedap hati kalau tinggal kat apartment kau ni free je. Aku malu lah kalau tinggal kat sini tapi tak bayar sewa kat sini."

"Okay lah, kau bayar je bila-bila masa. Aku tak kisah, "Hana akhirnya me-ngalah. Dia tahu teman serumah merangkap teman baiknya ini memang melakukan apa saja yang di keluar dari mulutnya tetapi setiap yang ditutur-kan itu hanya bicara yang jujur.

"Ehem" kedengaran suara berdehem di bela-kangnya. Nabilah meno-

"ALHAMDULILIAH. Aku dah dapat kerja tu.." ujar Nabilah kepada dirinya sendiri sebaik saja meletakkan telefon bim-bitnya di sisinya. "Hana!!" panggil Nabilah sambil kakinya menghayun mencari kelibat Hana. Dia menghempas bahu Hana yang sedang menonton Drama Nur Kasih di Tv3. Hampir terlompat Hana kerana terkejut.

"Kau ni, tak boleh te-ngek aku senang hati sikit lah. Apa dia?" soal Hana dengan wajah yang serius. Dia bukan marah, cuma dia geram apabila Nabilah menghempas bahunya se-hingga ia terkejut.

"Aku dah dapat kerja kat kedai bunga tu" jawab Nabilah tanpa memperdu-likan wajah Hana yang se-rius. Dia tahu Hana tidak akan mudah marah dengan dirinya. Lagi pula dia ya-kin, khabar yang disampaikanya sebentar tadi akan mengembirakan hati Hana.

Hana yang mendengar tersenyum lebar. "Betul ke?" soal Hana lagi. Na-bilah mengangguk laju. "Bila kau sta rt kerja?"

"Esok. Kata perempuan yang telefon aku tu, dia na-k aku datang kat kedai dia esok. Pukul 8.00 pagi. Tak sabar aku nak kerja kat Kedai bunga SZ tu" balas Nabilah.

"Kedai bunga SZ???" soal Hana seakan terkejut. Nabilah mengangguk.

"Oh..congratulation. Tapi kan...kenapa kau tak cuba cari kerja jadi Se-cretary ke, jadi Accountant ke... kan elok. Atau-pun kau sambung belajar kat Universiti. Lagi pun result 'A' Level kau kan okay," usul Hana.

Tiba-tiba Nabilah terse-nyum. "Kau ni Hana.. ka-lau nak turutkan hatiku, memang lah aku nak cari kerja yang macam tu, ta-pi...aku kena juga cari duit dulu. Aku nak cari pe-njalaman dulu dan di sam-ping tu aku dapat bayar sewa apartmen ni," jelas Nabilah.

Hana menjungkit bahu. Dia tahu Nabilah akan membantah jika dia me-ngatakan dia tidak kisah jika Nabilah tidak mem-bayar sewa apartmennya. Hana yang kembali me-lihat Drama Nur Kasih melirik seketika kepada Nabilah tersenyum-se-nyum sendirian. Agaknya tidak sabar untuk kerja bu-dak ni, bisik hati Hana.

NABILAH melangkah masuk ke dalam kedai itu dengan penuh debaran. Maklumlah itu lah kali pertama melangkah masuk ke situ dengan baju t-shirt dengan seluar ber-warna hitam. Dulu, se-waktu dia pergi temuduga di tempat itu, dia menge-nakan baju kurung Ma-laysia berwarna hijau pi-sang. 'Ini kerja Hana lah ni beraku pakai baju macam ni,' bisik hati Nabilah.

"Ehem" kedengaran suara berdehem di bela-kangnya. Nabilah meno-



leh. Kelihatan seorang lelaki yang segak dan yang menampakkan keco-melannya adalah dia me-makai kaca mata! Jantung Nabilah berdegup rancak apabila lelaki itu meng-hampirinya. Adakah ini jatuh cinta pandang pertama? "Awak Nurul Na-bilah?"

"Ya... awak nampak bos awak tak? Soalnya dia te-lefon saya semalam suruh saya datang kat sini," jelas Nabilah.

"Iktu saya," arah lelaki itu. Nabilah sekadar mengikut.

Lelaki itu masuk kedalam bilik yang bertulis MANAGER - SITI ZU-RAIDAH di luar pintu. Lelaki itu turut duduk di kerusi Manager sebaik mereka berdua masuk. Na-bilah hairan namun dia ha-nya mendiamkan diri.

"So.. Selamat datang ke kedai kami. Saya..."

"Eh, tunggu.. saya datang ke sini nak cari boss awak lah. Saya tahu lah awak comel, tapi tak patut awak main-mainkan saya dengan berlagak seperti bos pula,"

"cik..."

"Nabilah" jelas Nabilah

"Tak kisah lah apa nama awak sekali pun, saya nak beritahu awak. .saya ni anak perempuan yang menginterview awak hari tu. Mama saya sekarang dah beri amanah pada saya untuk jaga kedai bunga ni. Jadi secara rasmi saya adalah bos awak se-ka-rang."

Nabilah terkejut. Alamak! Bos? Mamat comel ni nak jadi bos aku? Biar betul,, nanti kalau aku tak tidur malam, dia nak tang-gung ke sebab asyik fi-kirkhan wajah comel dia ni?

"Okay, jangan lupa apa yang saya katakan tadi," Nabilah tersediar. Tadi? Tadi dia kata apa? Aku tak dengar pun?

"Err..Tuan kata apa ta-di?"

"Awak ni nak bekerja tapi lupa nak pasang te-linga. Saya kata, esok awak mula kerja pukul 10 pagi. Jangan datang lambat sebab saya paling tak suka orang yang tak serius nak bekerja,"

Nabilah mengangguk laju. Dia tahu dia perlu menurut perintah orang atasannya supaya dapat mengekalkan posisinya untuk bekerja di sini. Kali ini dia tidak mahu diber-hentikan! Nabilah me-

ngembalikan pandangan-nya kepada lelaki di hadapannya yang merupakan bos barunya. Lelaki itu kelihatannya sedang membelek fail miliknya.

"Keputusan A' Level awak bagus, kenapa tak sambung belajar? Atau-pun nak jadi secretary ke, ataupun accountant?"

"Soalan dia ni macam soalan Hana lah pula," bisiknya. "Hmm..memang nak, tapi disebabkan ma-salah kewangan, saya ter-paksa meletakkan impian untuk sambung belajar tu ke tempat yang terakhir untuk saya lakuk."

Untuk yang ke sekian kalinya, lelaki itu meman-dangnya lagi. Mungkin lelaki itu sedang

menganalisis dirinya. Ataupun dia terpikat dengan aku kot? Kalau macam tu kan seronok, sa-ma-sama suka. Tanpa se-dar, Nabilah tersenyum dengan andaianya.

"Senyum sendiri tu ke-napa?" tiba-tiba suara le-laki itu mengejutkannya.

Nabilah mengetep bibir. Terasa pipinya merah me-nahan malu bila di tegur sebegini. "Err.. saja. Nah mendapat pahala," ayat itu saja yang dapat di fikirkan oleh Nabilah. Diterima atau tidak, itu tertakluk kepada yang menerima.

Lelaki itu tersenyum. "Baiklah," Lelaki itu me-nyerahkan semula fail di tangannya kepada Nabilah. "Esok jangan datang lewat. Datang seperti yang di arahkan," dengan tegas, lelaki itu bersuara.

Nabilah mengangguk. "Baik Tuan..."

"Bukan Tuan, panggil saya Abang. Abang Zam-ri," ujar lelaki itu.

Lelaki itu ketawa bila melihat mulut Nabilah yang terlopong. "Baru nak bergurau sikit, dah terkejut bagi nak rak. Panggil sa-ya Zamri saja. Saya belum kahwin tau..."

Nabilah sekadar terse-nyum cuba menutup ke-gusaran hatinya dengan senyuman 'maut' lelaki di hadapannya ini. Comel-nyaaa !

"ENCIK nak beli bu-nga?" soal Nabilah kepada seorang lelaki yang ke-lihatan seperti seronok memilih bunga. Lelaki itu mengangguk dan menarik 3 kuntum bunga Lili dan di ajukan kepada Nabilah. "Saya nak beli yang ni untuk kekasih saya, sila bungkus sebagus mung-

kin, okay".

Nabilah meletakkan se-mula bunga Lili yang baru diberikan kepadanya. Ke-mudian dia mengambil 3 kuntum bunga Ros". saya rasa lebih baik Encik pilih yang ini sebab selain war-na dia yang merah, ia juga harum bila dihidu," ujar Nabilah sambil terse-nyum.

Saya nak bunga Lili tu juga sebab kekasih saya tak suka bunga Ros sebab dia tak suka warna merah," jelas lelaki itu sambut mengembalikan semula bunga Ros yang dihulur-kan kepadanya sebentar tadi.

"Encik..bunga Ros ni harum baunya tau. Encik kena beli yang ini, kalau encik beli bunga Lili ni, mana lah cantik warnanya. Dahlah tu, macam tak ada keistimewaan lang-sung bila encik beri pada kekasih Encik nanti," Jelas Nabilah lagi.

Lelaki itu mencampak bunga Ros di situ apabila Nabilah asyik mendesak-nya untuk membeli bunga itu. Nabilah tersen-tak. "Kenapa awak tak fa-ham bahasa ni? Kan saya dah kata kekasih saya tak suka bunga Ros dan tak suka warna merah. Suka hati customer lah nak beli bunga apa pun. Awak se-bagai pekerja, ikut je lah!

Pandai-pandai je nak tu-kar. Saya nak jumpa Ma-nager awak. Now!" bentak lelaki itu.

'Aduh, jangan lah jum-pa Manger aku. Kalau kau jumpa, kau boleh buat aku kena pecat kau tahu tak???' jerit hati Nabilah.

"Ya,Encik. May I help you?" kedengaran suara Zamri di sebelahnya. Na-bilah terkejut. Macam ma-na lelaki ni boleh ada di sini? Siapa panggil dia?"

"Pekerja awak tak pandai nak buat kerja. Asyik nak sibuk hal orang. se-patutnya dia ikut

kehendak pelanggan, bukan kehendak diri dia. Macam lah saya nak beri bunga kat dia !" marah lelaki itu.

"Maafkan atas keterla-uan pekerja saya. saya akan bertanggungjawab atas kejadian ini. Jadi, Encik nak beli bunga mana tadi?" soal Encik zamri cuba berintonasi dengan

Dari muka 10

Lelaki itu l tidak menjawab sebaliknya dia meninggalkan kedai bunga itu dengan riak tidak puas hati. Nabilah mengeluh perlahan. Dia tahu lepas ini Zamri akan memarahinya. Seperti hari sebelum-sebelumnya. Nabilah cuba mendongak sedikit. Cuba melihat wajah Zamri. Sah! Lelaki itu akan memarahinya kerana pandangan zamri yang seperti ingin menerkamnya.'ya ALLAH, selamatkanlah aku,Ya ALLAH' doanya.

"Nabilah! Apa nak jadi dengan awak ni? Dah dua minggu awak kerja, dan dua minggu tu juga awak buat kerja yang sama. Asyik nak complain apa orang nak beli.Awak kena ingat, customer always right. Apa dorang nak, kita kena ikut. Bukan dia orang kena ikut kita. Awak faham tak?" soal Zamri. Nabilah hanya menangguk. Malas dia hendak menjawab, nanti panjang pula leteran lelaki ni sehinggakan mengalahkan Mak Andam.

Zamri terus meninggalkannya sendirian di situ. Walaupun dia sering di kritik, namun dia

merasa bangga kerana buat pertama kalinya dia bekerja lebih dari 2 hari!.

KEDENGARAN bunyi loceng sebaik pintu masuk di buka menandakan ada orang masuk. Nabilah tersenyum kepada wanita berjaya hitam itu. Nabilah menghampiri wanita itu dan

menanyakan bunga apa yang wanita itu inginkan.

Nabilah menarik keluar beberapa kuntum bunga tulip plastik setelah wanita itu menunjuk ke arah bunga itu. "Yang ini?" Wanita itu mengangguk.

"Puan..."

"Ehem.." Nabilah segera menoleh ke tepi tiang apabila dia terdengar suara orang berdehem. Kelihatan Encik Zamri memberi isyarat kepada dia agar dia tidak mengkomplen apa-apa.

"Puan memang mempunyai citarasa yang baik. Bunga tulip yang sebenarnya mempunyai khasiat yang baikia boleh mengubati kepekatan darah yang tidak normal. Stagnasi darah, kanker darah, tekanan darah tinggi dan rendah. Selain itu ia juga boleh mengubati pendarahan dalam kita,"jelas Nabilah. Dia ada juga terbaca beberapa artikel tentang kelebihan bunga tulip ini. Jadi,tidak salah jika dia mengongsikan dengan orang lain. Lagipun bunga ini juga bunga kegemarannya.

Kelihatan wanita itu tersenyum. "Betul tu. Makcik pun pernah terbaca soal tu kat dalam

Internet. Banyak kelebihan bunga tulip ni."

"Ye ke? Sejak bila Puan minat kat bunga tulip ni?" soal Nabilah ingtn tahu

sambil kakinya menuruti langkah wanita itu menuju ke kaunter.

"Oh, sebelum makcik kahwin dah. Makcik pun tak tahu kenapa makcik suka dengan bunga tu. Suami makcik pernah juga tegur makcik sebab dalam rumah makcik tu dah penuh dengan bunga tulip. Tak ada bunga lain,"ceritanya sambil ketawa kecil.

Nabilah juga turut ketawa. "Bagus lah Puan ni. Buat saya cemburu pula. Sebenarnya saya nak juga buat macam tu, tapi terpaksa saya batalkan niat saya tu sebab kawan serumah saya tu tak suka bunga,"ujar Nabilah.

"Berapa?"
"\$10.00." Wanita itu menghulurkan not sepuluh ringgit dan mengambil bunga itu. Kesian kat kamu,kan? Tak apa, kalau ada masa datang lah kat rumah makcik. Boleh tolong makcik cari idea macam mana nak hias bunga tulip kat rumah makcik tu"

"Insha ALLAH," balas Nabilah sambil tangannya melihat alamat yang baru diberikan oleh wanita itu.

Setelah bersalam, wanita itu meninggalkan Nabilah yang sedang tersenyum memandangnya. Kali ini, pandangannya beralih kepada bosnya, Zamri. Nurul tersenyum bangga apabila lelaki itu menegakkan ibu jarinya sambil tersenyum. Zamri kemudian berlalu menuju ke biliknya.

"Nampaknya aku dah lulus untuk terus kerja kat sini. Tapi bila pula aku nak lulus untuk dapat cinta dia?" soal Nabilah sambil mendongak dagu.

NABILAH keluar dari bilik dan menuju ke ruang tamu. Kelihatan tubuh Hana sedang membaca majalah mingguan wanita. Nabilah menegur. Hana segera menoleh dan menghadiahkan sebuah senyuman.

"Tak kerja?" soal Hana.

"Tak. Bos aku bagi cuti. Dia kata, buat pertama kali aku buat kerja yang betul.. jadi sebagai hadiah, dia beri aku cuti sehari," jawab Nabilah menyebabkan Hana berhenti membaca.

Pandangannya beralih tepat ke wajah putih Nabilah. Dia cuba memastikan kata-kata Nabilah. Diberi cuti sehari atau cuti terus? Bukan sekali dua dia mendengar Nabilah berkata seperti itu, malah sudah bekali-kali dan rupanya cutiyang dimaksudkan Nabilah itu adalah dia diberhentikan.

"Baiknya hati bos kau..eh, bos kau lelaki ke?"soal Hana. Kini soalananya bertukar.

Nabilah mula tersenyum sendiri. Tiba-tiba dia teringat kepada zamri.

Dia tidak tahu apa yang sedang merasuknya tetapi sejak zamri senyum kepadanya tatkala dia me-

layan wanita semalam, dia semakin yakin yang itu bukan setakat suka tetapi adalah cinta. Ya cinta ! Tetapi mungkin cinta bertepuk sebelah tangan. Nabilah mengeluh sebelum mengangguk.

"Lelaki? Wah..tentu hensem kan? Apasal kau mengeluh ni?"

"Hensem lah juga. Entah lah, aku rasa...aku dah jatuh cinta lah dengan dia..,

:Kau jatuh cinta kat dia?" soal Hana lagi. Nabilah diam. Sesaat kemudian,kedengaran bunyi ketukan di luar pintu

Nabilah bangun lalu membuka pintu. Kelihatan seorang letaki menghulurkan bunga tulip

kepadanya. "Cik Nurul Nabilah?" soal lelaki itu sambil melihat nama yang tertera dikertas yang

dipegangnya.

Nabilah mengangguk. Lelaki itu menghulurkan kertas untuk disain oleh Nabilah. Nabilah

mengucapkan terima kasih sebelum lelaki itu meninggalkannya.

Bunga? Kau pesan bunga ke? Kau tau kan aku tak..

"Hana... bukan aku. Aku pun tak tahu siapa yang bagi," ujar Nabilah jujur. Dia sendiri sekangkang sudah tertanda tanya kerana pengirim tidak ada meninggalkan kad atau tanda untuk Nabilah mengetahui siapa yang menghantarnya.

"Aku tahu siapa...." ujar Hana lantas meninggalkan Nabilah yang sedang mengejutkan dahi.

BUNGA lagi? Untuk kesekian kalinya, Nabilah mengeluh lagi. Masuk hari ini, sudah seminggu pengirim tidak bernama memberikannya bunga tulip. Dan yang lebih mengejutkannya, bukan sahaja di rumah, malah di waktu bekerja juga dia mendapat sekuntum bunga. Dia hairan bagaimana pengirim itu tahu tempatnya bekerja. Tidak cukup ke dekat rumah? Sebut pasal rumah..dia bersyukur kerana Hana tidak banyak songkeh tentang bunga tulip yang sudah berpuluhan-puluhan kuntum itu di dalam apartmentnya itu.

Namun kadang-kadang dia hairan kenapa Hana boleh berubah sebegitu. Tidak lagi terlalu anti dengan bunga walaupun kadang-kadang dia akan menutup hidung dengan bau bunga tulip.

Nabilah memandang bunga tulip itu. Dia berharap agar pengirim itu berani memberikan bunga tulip-ini kepada dirinya sendiri. Entahlah, tetapi dia merasakan orang yang bersembunyi ini orang yang pengecut. Tidak berani menghadapi kenyataan.

"Nabilah...masuk bilik saya sekarang," suara Zamri mengejutkannya. Nabilah segera berjalan

menuju kebilik bosnya.

Sejak seminggu lalu,dia cuba sedaya upaya menghilangkan rasa sukanya kepada bosnya ini namun semakin dia cuba menghindari, perasaan itu terus menerus mendekatinya. Malah layanan bosnya terhadapnya menguatkan lagi perasaannya untuk terus perasan. Nabilah mengetuk pintu bilik. Setelah mendapat keizinan, Nabilah mula masuk dan mengambil tempat duduk di hadapan bosnya yang sedang tunduk menghadap sekeping kertas.

'Tenang lah hati...' bisik hatinya apabila Zamri memandang dan tersenyum kepada Nabilah.

"Ada apa Zamri panggil saya?" soal Nabilah cuba menutup kegusaran hatinya.

"Saya nak lamar awak... ." ujar Zamri perlakan.

Eh? Aku tak salah dengar kan? Dia lamar aku?

"Zamri lamar saya?" soal Nabilah. Kalau lelaki dihadapannya ini mengangguk serta inginkan jawapan darinya, tidak perlu berfikir panjang, dia akan setuju.

"Tak.. Saya baca apa yang kertas ni tulis. Saya tak tahu siapa yang hantar ayat macam

ni. Saya terjumpa kat atas lantai tadi,'jelas Zamri sambil menghulurkan kertas kepada Nabilah. .

Nabilah mengambil dan membacanya.

Kejada gadis yang meminati bunga tulip, Saya harap saudari tak marah kalau saya sering hantar bunga ini dekat saudari. Sebenarnya saya sudah meminati saudari sejak kali pertama kita bertemu. Mungkin saudari hairan dari mana saya tahu saudari tinggal di mana, bekerja dimana... tapi ketahuilah, tujuan saya hanya satu. Saya ingin saudari tahu yang saya meminati saudari. Dan tidak keterlaluan kalau saya katakan saya mula menyintai saudari dan yakin saudarilah pilihan hati saya. Seperti malam perlukan bulan dan bintang, seperti itu jugalah saya perlukan saudari dalam hidup saya.

Oleh kerana itu, saya mengambil keputusan.... saya nak lamar awak. Harap saya akan dapat jawapannya.

From : Someone.

"Awak terima lelaki tu?" soal Zamri sebaik dia melihat Nabilah tersenyum membaca surat itu.

"NLacam mana saya nak terima dia, tengok mu ka dia pun saya tak pernah. Lagipun kalau saya tengok dia pun belum tentu saya nak terima,"ujar Nabilah.

'Lagipun saya nak tunggu lamaran dari Zamri lah...'desis hati Nabilah.

"Kenapa tak nak terima? Mungkin lelaki tu belum-betul sayangkan awak. Atau awak dah ada calon sendiri?"duga Zamri.

"Nabilah...masuk bilik saya sekarang," suara Zamri mengejutkannya. Nabilah segera berjalan

menuju kebilik bosnya.

Malas memanjangkan perbualan Nabilah hanya menggeleng. Jika dia mengaku pun, pasti bosnya ini akan bertanya banyak soalan dan dia takut akan terlepas apa yang ada di hatinya saat ini.

"Betul ke apa yang Hana katakan tu, Nabilah? soal Zamri lagi. Nabilah jadi hairan apabila bosnya asyik menyuruhnya menerima lelaki yang mengirimkan bunga tulip itu.

"Hensem ke..tidak ke... saya tetap tak terima. Saya dia ada pilihan hati sendiri,,,"ujar

Nabilah tanpa sedar. Nah...kan dia terlepas. Nabilah mengeluh. Dia yakin dia perlu bersedia untuk menjawab soalan bosnya ini.

"Oh...kalau macam tu, semoga awak gembira dengan pilihan hati awak. Awak boleh keluar sekiranya,"ujar Zamri.

"Direct sungguh awak lamar saya. Tak ada bunga-bunga," gurau Nabilah. Dia merasakan suara Zamri sudah berubah. Tidak seperti biasa. Kedengaran mendatar. Adakah dia cemburu? Cemburu? Ah! perasanlah kau Nabilah....

Tiba-tiba pintu terkuak tatkala Nabilah ingin mengeluh keluar. Tersentak hati Nabilah apabila dia terpandang wajah Hana di situ. Dia buat apa kat si ni??

"Zam...kenapa kau tidak berterus terang lagi kat dia?" soal Hana kepada Zamri yang kelihatannya-irut terkejut dengan kedatangan Hana.

Nabilah mengambil dan membacanya.

"Zam...kenapa kau tidak berterus terang lagi kat dia?" soal Hana kepada Zamri yang kelihatannya-irut terkejut dengan kedatangan Hana.

Zam?? Apa hubungan Hana dengan Zamri ni? Kenapa kelihatannya seperti mereka sudah lama mengenali antara satu sama lain.

"Nak buat macam mana lagi Hana...dia dah ada calon sendiri. Tak kan aku nak kacau pulak," jawab Zamri.

Nabilah masih membantu. Dia masih belum mengerti perbincangan dua insan yang berada hampir dengannya.

"Eh, tak kan kau tak faham-faham lagi. Nabilah suka kat kau lah...,"te rang Hana. Zamri kelihatan terkejut. Begitu juga dengan Nabilah. Kenapa Hana perlu beritahu semua itu kepada Zamri?

"Macam mana kau tau?"soal Encik Zamri.

"Dia cakap kat aku hari tu, dia cakap dia dah jatuh cinta kat kau. Sebelum kau hantar bunga kat rumah aku tu lah,"ujar Hana lagi.

tahu tempat aku kerja. Nabilah lantas mengambil semula kertas yang berada di atas meja. Cuba

mengenal pasti pemilik tulisan ini. Sah! Ini tulisan Zamri. Dia kenal dengan tulisan itu kerana dia pernah terlihat Zamri

menulis sesuatu tatkala dia berjumpa dengan Zamri yang memberikannya

cuti sehari minggu lalu. Dia tidak menyangka Zamri juga menaruh hati kepada padanya.

"Betul ke apa yang Hana katakan tu, Nabilah? soal Zamri lagi. Nabilah merasa tiada apa yang perlu disembunyikan lagi. Dia harus jujur. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

"Hensem ke..tidak ke... saya sejak saya mula kerja kat sini,,,

"Kalau macam tu, saya tak bertepuk sebelah tangan?,,nada Zamri sudah bertukar ceria.

Nabilah mengeleng.

Zamri menghampirinya. "Kalau macam tu, awak terima lamaran saya?,,

"Direct sungguh awak lamar saya. Tak ada bunga-bunga," gurau Nabilah. Walaupun dia sering mengeluh tubuh menunggu ayat Zamri. Sebenarnya ini adalah balasan kerana Zamri dan Hana berkomplot untuk mengenakkannya. Patutlah Hana tidak pernah merungut tentang bunga tulip yang sering di hantar ke apartmen mereka.

"Saya memang nak bagi ayat bunga-bunga tapi saya tak tahu macam mana. Surat yang tu pun sepupu saya yang ajar..kalau tak,tak tahu lah saya nak luahkan perasaan saya pada awak,"

"Sepupu?"

"Ha'ah. Tu sepupu saya," ujar Zamri sambil menunjuk kepada Hana. Nabilah menoleh

memandang Hana yang tersengih.

"Tapi..sejak bila awak mula cintakan saya?,,

"sejak awak jadi pelakon tak berbayar masa kat KFC dulu," ujarnya dengan senyuman

nipis.

KFC? Nabilah teringat dirinya yang menjadi ton-tonan orang ramai tatkala menegur

makanan yang ingin dipesan oleh seorang perempuan. Malunyaaaa...,,

"Awak pula?" Kini, giliran Zamri bertanya.

"Tak tahu... perasaan tu datang tanpa saya undang," ujar Nabilah. Sememangnya dia tidak tahu sejak bila Zamri mengetuk pintu hatinya.

Zamri tersenyum. "Mungkin...masa saya suruh awak panggil saya Abang Zamri tu kot?"

usiknya. Nabilah menoleh.

"Awak terima lamaran saya tadi?" zamri mengajukan soalan yang sama sekali lagi.

"Ya kecuali dengan satu syarat."

Zamri dan Hana terkejut. Muka mereka jelas menunjukkan seribu pertanyaan apabila

mendengar jawapan Nabilah.

"Saya nak dengar ayat bunga-bunga yang dicipta sendiri oleh awak. Bukan ayat orang lain ataupun

ayat sepupu awak, Hana," usul Nabilah sambil tersenyum.

Hana ketawa kecil apabila melihat wajah Zamri yang sudah

Pelihara lidah daripada perkara buruk, mungkar

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwah dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat yang banyak yang wajib kita syukuri, dihargai dan dipelihara. Di antara nikmat yang terbesar ialah lidah. Oleh itu kita hendaklah memelihara lidah daripada perkara-perkara buruk atau mungkar, seperti memelihara lidah dari berkata bohong, keji, memfitnah, menghina dan sebagainya. Ingatlah bahawa setiap perkataan yang kita ucapkan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Qaaf ayat 18 tafsirnya:

"Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkan atau perbuatan yang dilakukannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menulisnya."

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap perkataan yang kita ucapkan akan dicatat oleh malaikat yang sentiasa bersama kita, baik yang kita ucapkan itu adalah perkara kebajikan atau sebaliknya.

Seterusnya di dalam ayat lain, Allah Subhanahu Wata'ala memberikan amaran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ash-Shaff ayat 2 hingga 3 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa

ALLAH Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat yang banyak yang wajib kita syukuri, dihargai dan dipelihara. Di antara nikmat yang terbesar ialah lidah. Oleh itu kita hendaklah memelihara lidah daripada perkara-perkara buruk atau mungkar, seperti memelihara lidah dari berkata bohong, keji, memfitnah, menghina dan sebagainya. Ingatlah bahawa setiap perkataan yang kita ucapkan akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak.

kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebencianya di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya."

Dalam hal menjaga lidah, masyarakat kita sering terlupa dan sering melakukan perkara yang ditegah oleh syariat iaitu memanggil atau memberikan gelaran kepada seseorang dengan panggilan kurang elok atau buruk maknanya. Hal ini telah diperingatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam firman-Nya dalam Surah Al Hujuraat ayat 11 tafsirnya:

"Dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. Larangan-larangan yang tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasiq, maka amatlah buruknya sebutan nama fasiq kepada seseorang sesudah ia beriman. Dan ingatlah, sesiapa yang tidak bertaubat daripada perbuatan fasiqnya maka mereka lah orang-orang yang zalim."

Telah berkata Al-Imam An-Nawawi: Ulama telah bersepakat menghukumkan haram dalam memberikan atau memanggil seseorang dengan panggilan yang buruk, sama ada panggilan itu berpunca dari perangai individu tersebut atau berdasarkan dari bapanya atau ibunya. Apakah lagi apabila gelaran atau panggilan itu melibatkan nisab atau keturunan.

Selain daripada memanggil atau memberikan gelaran kepada seseorang dengan panggilan kurang elok atau buruk maknanya, Islam juga melarang perbuatan mengumpat. Firman Allah

Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hujuraat ayat 12 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa, dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keibaian orang, dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain."

Jelaslah dari ayat tersebut menegah kita dari mengumpat. Mengumpat merupakan satu perbuatan yang mengandungi beberapa perbuatan iaitu memburuk-burukkan orang lain di belakangnya, mencela, mengejek, menjeji dan mengutuk atau menyumpah. Ingatlah akan perumpamaan yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, bahawa orang yang mengumpat umpama memakan daging saudaranya yang telah mati.

Islam sebagai agama yang syumul ada mengajar bagaimana untuk memelihara lidah dari perkara yang mendatangkan dosa. Antaranya dengan memberikan teguran atau mengajar sesama kita, agar teguran yang diberikan tidak menjelaskan atau menyenggung perasaan mahupun hati orang yang diberikan teguran. Dalam kehidupan kita ini, kita perlu menjaga dua hubungan iaitu *Hablim Minallah* dan *Wa hablum Minan Nas*. Jangan sampai lidah yang mengeluarkan teguran menyebabkan keretakan hubungan, perselisihan apatah lagi menimbulkan dendam dan permusuhan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nahl ayat 125 tafsirnya:

"Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Nabi Muhammad dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalannya dan Dialah juga yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk."

Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ada mengajar kepada kita mengenai faedah menjaga lidah iaitu dengan mengeluarkan kata-kata yang baik, sebagaimana sabda Baginda dan sebuah hadis maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu bahwasanya Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa yang beriman



ISLAM sebagai agama yang syumul ada mengajar bagaimana untuk memelihara lidah dari perkara yang mendatangkan dosa. Antaranya dengan memberikan teguran atau mengajar sesama kita, agar teguran yang diberikan tidak menjelaskan atau menyenggung perasaan mahupun hati orang yang diberikan teguran.

kepada Allah dan hari kemudian, maka hendaklah ia berkata dengan perkataan yang baik atau hendaklah dia diam."

Imam As-Syafi'e menyatakan: Makna hadis ini ialah apabila seseorang hendak berkata hendaklah ia berfikir. Bila ternyata tidak ada bahaya atasnya (perkataan yang akan diucapkan itu) maka berkatalah. Tetapi bilamana ternyata sebaliknya, maka diamlah.

Oleh yang demikian wahai kaum Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, marilah kita muhasabah diri pada sisa usia yang masih ada ini, agar kita dapat berusaha dalam menjaga setiap pertuturan kita. Sama-sama lah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala melindungi kita dari melafazkan kata-kata yang boleh mendatangkan dosa. Amin Ya Rabbal'alam.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Yaa Siin ayat 65 tafsirnya:

"Pada hari itu Kami mengunci mulut mereka, dan tangan mereka memberitahu Kami kesalahan masing-masing dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan."

وقت سمبهیغ داعیره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحى										
وقت سمبهیغ ، امساك ، شوروق دان ضحى باكي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 27 افرييل 2013 برساماعن دعن 16 جمادا الآخر 1434 هيٺڻ										
كهاري جمعة 3 مي 2013 برساماعن 22 جمادا الآخر 1434 ادله سفرت دياوه اين:										
مسيحي	هاري	هجري	امساك	صبح	شوروق	ضحى	ظهر	عصر	مغرب	عشاء
افريل		جمادا الآخر	4 .40	4 .50	6 .09	6 .33	12 .20	3 .35	6 .27	7 .38
27	سبتو	16	4 .40	4 .50	6 .09	6 .33	12 .19	3 .35	6 .27	7 .38
28	احد	17	4 .40	4 .50	6 .09	6 .33	12 .19	3 .35	6 .27	7 .38
29	اثنين	18	4 .40	4 .50	6 .09	6 .33	12 .19	3 .35	6 .27	7 .38
30	ثلاث	19	4 .39	4 .49	6 .09	6 .32	12 .19	3 .36	6 .27	7 .38
1مي	رابو	20	4 .39	4 .49	6 .08	6 .32	12 .19	3 .36	6 .27	7 .38
2	خميس	21	4 .39	4 .49	6 .08	6 .32	12 .19	3 .36	6 .27	7 .38
3	جمعة	22	4 .38	4 .48	6 .08	6 .32	12 .19	3 .37	6 .27	7 .38

وقت سمبهیغ باكي داعيره تنوغ دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلاعيت دتمبه نيار مينيت دان سمبهیغ فرض جمعه دسلوروه نيارا بروني دارالسلام
دمولاعي دري فوكول 12.45 تنه هاري

Mantapkan akidah mengikut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

LUMUT, Rabu, 24 April. - Isu akidah sedikit sebanyak telah menggonggong kesejahteraan amalan beragama yang berlangsung dalam bentuk *kesederhanaan* di Negara Brunei Darussalam dengan kemunculan fahaman-fahaman baru yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

Fahaman-fahaman seperti fahaman Bahai, Al-Arqam, Batiniyyah, Terekat Abdul Razak, Al-Ma'unah, Silat Lintau, Ajaran Sahroni bin Tasipan dan Terekat Al-Mu-

farridiyyah, malah ada juga golongan melabelkan diri mereka sebagai Ahli Sunnah Waljamaah, manakala ulama-ulama lain yang tidak bersefahaman dengan fahaman mereka dilabel sebagai pembawa virus bidaah, walhal ajaran yang dipertikai-kan itu hanyalah masalah *furu'* yang mana perkara yang dihukum bidaah itu juga sebenarnya mempunyai asas dalam syarak.

Penolong Ra'es merangkap Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal mendedahkan perkara tersebut ketika membentangkan kertas kerja 'Isu dan Cabaran Di Negara Brunei Darussalam' semasa Majlis Ilmu bertajuk 'Pengukuh Akidah', berlangsung di Masjid Zainab, di sini.

Antara perisian kertas kerja yang dibentangkan meliputi cabaran akidah masa kini, ciri-ciri ajaran yang pernah tersebar di Negara Brunei Darussalam dan Ahli Sunnah Waljama'ah.

Dr. Haji Norarfan berkata cabaran lain yang dihadapi Negara Brunei Darussalam dan negara-negara lain di rantau ini

termasuk perkembangan Syi'ah yang dilihat semakin aktif berkembang di rantau ini dan juga kemunculan pemikiran liberal yang berselindung di sebalik jenama 'Islam' dan juga Jaringan Islam Liberal (JIL) dan juga Sister in Islam dan sebagainya.

Aliran-aliran atau gerakan-gerakan pemikiran tersebut, jelas Dr. Haji Norarfan, ibarat api dalam sekam yang boleh mengancam negara dan menyebabkan umat Islam berpecah dan bergaduh semasa sendiri jika tidak dibendung oleh pihak berkuasa.

Penolong Ra'es KUPU SB juga menyatakan mereka itu seperti musuh dalam selimut, sukar dikenal pasti kerana ajaran yang mereka bawa pada kebiasaannya bercampur aduk dengan yang sahih dan yang batil serta mereka juga hadir di majlis-majlis keagamaan, bersolat di masjid atau di surau, mengajak kepada kebaikan, menzahirkan diri sebagai orang warak.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pengarah Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan dihadiri sama oleh kira-kira 300 orang termasuk Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Shafiee bin Ahmad; Ketua Kampung



PENGARAH Pentadbiran Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Zulkifli bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah (tiga dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Lumut I, para jemaah masjid, penduduk Mukim Liang Lumut dan pelajar-pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Lumut.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Masjid Kawasan Dua, selaku Pengurus Bersama majlis tersebut, Awang Aminorddin bin Haji Md. Yussof mengingatkan dalam menjalankan ibadat kita juga mesti menguatkan keimanan, keyakinan dan kepercayaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebagai Tuhan Yang Maha Esa dan berhak disembah.

Beliau menambah melalui

majlis seumpama itu, kita akan dapat menambahkan lagi ilmu dan memantapkan lagi akidah mengikut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah. Beliau seterusnya berharap para hadirin akan dapat menimba ilmu tentang akidah daripada pembentang kertas kerja yang berpengalaman di dalam menangani isu akidah di negara ini.

Majlis tersebut merupakan aktiviti takmir tahunan Masjid Zainab yang dikelolakan bersama oleh seluruh Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah masjid tersebut dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid

Daerah Belait bertujuan untuk memberikan kefaamanan dan kesedaran tentang konsep Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna.

Selain itu, majlis bertujuan untuk meningkatkan keimanan dan kesedaran serta ketakwaan masyarakat Islam di negara ini tentang penghayatan beragama dalam kehidupan, di samping memberi bimbingan mengenai akidah yang betul daripada pengaruh-pengaruh dan fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam yang sebenar.

Mohon keberkatan hadapi peperiksaan akhir



SEBAHAGIAN mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) hadir dalam Majlis Solat Sunat Hajat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat bagi mahasiswa yang menghadapi peperiksaan akhir Semester II yang dijadualkan berjalan selama dua minggu, bermula 6 Mei 2013 hingga 19 Mei 2013.

Perkuliahan mahasiswa KUPU SB yang berakhir pada minggu ini dan pada minggu hadapan, selama satu minggu, iaitu bermula dari 29 April 2013 hingga 5 Mei 2013 adalah minggu ulang kaji.

Majlis Solat Sunat Hajat ini diadakan pada setiap kali menjelang peperiksaan akhir semester bertempat di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.

Persediaan peperiksaan sangat wajar dititikberatkan bagi setiap mahasiswa yang merangkumi persediaan dari segi fizikal seperti penjagaan

kesihatan, pemakanan dan pengurusan tidur.

Badan yang sihat menjadikan otak lebih efektif dalam setiap urusan, manakala persediaan rohani juga penting dan tidak boleh diabaikan.

Dengan cara memantapkan rohani, ia adalah satu cara terbaik bagi menenangkan debaran hati sewaktu peperiksaan,



CERAMAH motivasi disampaikan oleh Pensyarah Ilmu Teras, KUPU SB, Ustaz Dr. Haji Harapandi Dahri Syahrum.

sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 yang mafhumnya: "Ketahuilah hanyalah kamu dengan mengingati Allah, hati akan menjadi tenang."

Di samping Solat Sunat Hajat, mahasiswa juga mengadakan Solat Sunat Taubat, membaca Surah Yaa Siin dan ceramah motivasi disampaikan oleh Pensyarah Ilmu Teras, KUPU SB, Ustaz Dr. Haji Harapandi Dahri Syahrum.

Beliau menegaskan solat-solat sunat yang dilakukan bukan bertujuan semata-mata hanya untuk lulus peperiksaan, tetapi hendaklah dilakukan kerana Allah.

Mahasiswa diingatkan agar mentaati Allah dengan mengerjakan perintah Allah dan Rasul-Nya, mentaati kedua ibu bapa kerana reda Allah pada seorang anak terletak pada reda ibu bapanya selama apa yang diperintahkan tidak melanggar syariat Islam, menghormati guru dan akhirnya tawakal kepada Allah setelah berusaha.

KUPU SB sertai pertandingan debat terbuka

BANDAR SERI BEGAWAN. - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyertai Pertandingan Debat Terbuka Bumi Kenyalang anjuran Universiti Teknologi MARA, Kuching Sarawak yang diadakan pada 24 hingga 29 April 2013.

KUPU SB menghantar tiga pasukan masing-masing bagi debat bahasa Melayu dan Inggeris serta pidato bahasa Inggeris.

Berpandukan Firman Allah dalam Surah Al Maa'idah ayat 2 yang bermaksud, "Dan bertolong-tolonglah kamu pada jalan kebaikan dan ketakwaan dan janganlah bertolong-tolo-

ngan pada perkara dosa dan permusuhan."

Penyertaan ini memberi peluang dan pendedahan kepada para pelajar untuk mengutarakan idea dan fakta bernes mengenai isu semasa untuk dibahaskan secara menyeluruh.

Ia juga dapat menjadi landasan dalam meninjau dan mengenal pasti sejauh mana kemampuan pelajar dalam membahaskan hal berkaitan selain meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar.

Selain itu, penyertaan ini juga diharap akan dapat melahirkan pendebat yang berkualiti serta berkemampuan tinggi dalam kalangan pelajar Institusi Pendidikan

Tinggi (IPT), di samping menjalin rangkaian hubungan antara institusi-institusi pendidikan tinggi serantau.

Dalam pertandingan bertemakan 'Untuk Esok, Suara Hari Ini', KUPU SB menghantar sepuluh pelajar terdiri daripada empat pelajar dalam Pasukan Debat Bahasa Melayu, empat pelajar dalam Pasukan Debat Bahasa Inggeris dan dua pelajar dalam Pasukan Pidato Bahasa Inggeris.

Rombongan ini disertai oleh dua pegawai pengiring iaitu Timbalan Dekan Pelajar KUPU SB, Awang Kharhan bin Haji Jait, dan Pensyarah Pusat Bahasa, Dayang Hajah Falilnesa binti Mohammad Arfan.

Jualan produk perikanan pada 3 - 5 Mei 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 25 April. - Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mengalu-alukan orang ramai untuk berkunjung ke Penjualan Hasil-hasil Produk Perikanan 2013 yang akan diadakan di Kompleks Pendaratan Ikan Muara selama tiga hari.

Penjualan yang akan diadakan pada 3 Mei 2013 hingga 5 Mei 2013 itu bermula dari puluk 8.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali hari Jumaat bermula dari puluk 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan disambung semula bermula puluk 2.00 petang hingga 5.00 petang.

Para pengunjung akan berpeluang membeli

produk-produk perikanan dengan harga yang lebih rendah daripada harga biasa.

Pelbagai hasil produk perikanan yang segar dan diproses dijual termasuk ikan, udang, sotong dan juga ketam yang dijual oleh pengusaha sektor tangkapan.

Sementara itu, ikan selungsing dan ikan keli juga akan dijual oleh pengusaha industri akuakultur.

Pengusaha-pengusaha dalam sektor pemprosesan pula akan menjual produk-produk daripada hasil perikanan seperti ikan liking, keropok, ikan bakar, belacan dan lain-lain.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(B)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(b) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN

PERATURAN 38 (b)

Syarat-Syarat Am :

- a) PEMOHON adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.
- b) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- c) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- d) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- e) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

1. PENERBIT KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN : DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

- 1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Business / Design and Advertising / Film and Television / Media Production / International Relations / Politics / Education / Social Science / Tourism / Ekonomi / Undang-Undang / Sejarah* atau bidang bersesuaian.
- 2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

SYARAT-SYARAT LAIN

- 1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- 2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
- 3. Hendaklah mempunyai kebolehan dalam menulis skrip televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
- 4. Mempunyai pengalaman dalam bidang tugas yang berkaitan adalah keutamaan.
- 5. Mempunyai pengalaman yang luas dalam menerbitkan rancangan-rancangan televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan atau dalam bidang yang bersesuaian yang disiarkan samada secara langsung atau pun rakaman.
- 6. Hendaklah mempunyai minat dan pengetahuan dalam hal ehwal awam dan semasa.
- 7. Memahami konsep Negara Melayu Islam Beraja termasuk ciri-ciri adat istiadat dan protokol Negara Brunei Darussalam.
- 8. Memahami misi dan dasar Jabatan dalam pembangunan negara.
- 9. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
- 10. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi, kreatif dan

- pro-aktif dalam mengolah penerbitan.
- 11. Mempunyai kreativiti yang tinggi ke arah menghasilkan penerbitan yang berkualiti.
- 12. Mempunyai sifat kepimpinan yang baik di samping menjadi pembimbing atau mentor kepada pegawai / kakitangan yang berkenaan.
- 13. Berkebolehan dalam merancang sumber tenaga manusia dengan teliti dan menilai penggunaan sumber tenaga manusia tersebut dengan tepat dan berkesan.
- 14. Berkebolehan dalam mengawal perbelanjaan dengan menghasilkan produktiviti yang tinggi dan menepati kehendak dan matlamat Jabatan.
- 15. Berkebolehan bekerja dalam satu pasukan sebagai Ketua Unit.
- 16. Boleh membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan.
- 17. Berkeupayaan bekerja dengan cepat dan teliti dalam suasana tegang.
- 18. Berkebolehan dan mampu merancang perkembangan dan kemajuan masa depan Unit di bawah pentadbirannya dan mempunyai wawasan untuk mencapai matlamat Jabatan.

PERINGATAN:

- 1. Bagi iklan jawatan bilangan 1 adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Radio Televisyen Brunei**.
- 2. Tarikh Iklan: **27 April, 2013**.
- 3. Tarikh Tutup Permohonan: **11 Mei, 2013**.
- 4. Tempat Menghantar Borang Permohonan:
**PENGARAH RADIO TELEVISYEN BRUNEI,
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI,
JABATAN PERDANA MENTERI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
- 5. Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN: 26/2013**.

2. PEGAWAI PEPERIKSAAN
JABATAN PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.12 (\$2,300 - \$2,660 SEBULAN)
KEKOSONGAN : SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM :

- a) i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- ii) Sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dalam jawatan bersesuaian tidak kurang dari 15 tahun atau sebagai Penolong Pegawai Peperiksaan dalam tanggagaji G.5 tidak kurang dari 10 tahun.
- b) Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
- c) Pernah mengikuti kursus/kursus penempatan mengenai dengan pentadbiran dan pengurusan peperiksaan di Lembaga Peperiksaan di luar negeri adalah keutamaan.
- d) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja urusan peperiksaan.
- e) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- f) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

Lembaga Tawaran Kecil Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari **Jam 2.00 petang, hari Selasa 30 April 2013**.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa dialamat yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Borang dan dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari :

Bahagian Projek
Aras 2, Jabatan Bandaran
Kuala Belait dan Seria
Jalan McKerron Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.

5. Yuran dokument adalah dikehendaki sebanyak BS 50.00 (Ringgit Brunei Lima Puluh Sahaja) bagi tiap-tiap tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria Jalan McKerron Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam semasa waktu bekerja seperti berikut;

Pada Hari Isnin hingga Hari Kamis dari jam 8.00 pagi hingga Hari Pearce

dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi dan tutup pada hari Jumaat, Hari Ahad dan Hari-hari kelepasan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dieluarkan, setiap Pemborong dikehendaki menghadapkan Sijil Pendaftaran yang menunjukkan bahawa Pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan diiklankan tawaran.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada : 29 April 2013 (Rabu), Tarikh Tutup : 30 April 2013 (Selasa) dan dialamatkan kepada:

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Bangunan Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri

Tingkat 1, Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam BS8610

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

1. Keterangan Projek :
PENAMBAHBAIKAN
BEREK-BEREK KERJAAN
DI BAWAH KAWALAN JABATAN
BANDARAN KUALA BELAIT DAN
SERIA SECARA BERFASA, FASA 1
DIBUKAKAN kepada
pemborong-pemborong yang berdaftar
di dalam Kelas II sahaja dalam
Kategori 4(a).

Bilangan Tawaran :
BBS/P.KHAS/PBKJBKS/2013-2014

2. Keterangan Projek :
THREE (3) YEARS TERM
CONTRACT MAINTENANCE AND SERVICING AIR CONDITIONING UNIT FOR
MUNICIPAL BUILDING
DIBUKAKAN kepada pemborong-
pemborong yang berdaftar di dalam Kelas I
dan II sahaja dalam
Kategori 5(j).

Bilangan Tawaran :
BBS/TCAC/2013-2014

3. Keterangan Projek :

THREE (3) YEARS TERM
CONTRACT RUBBISH
COLLECTION IN SERIA
MUNICIPAL AREA

DIBUKAKAN kepada pemborong-
pemborong yang berdaftar dengan

Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran :

BBS/1/RCSMA/2013-2016

4. Keterangan Projek :
THREE (3) YEARS TERM

CONTRACT MAINTENANCE OF PUBLIC

TOILET,

MUNICIPAL KUALA BELAIT

DAN SERIA

DIBUKAKAN kepada pemborong-
pemborong yang berdaftar

di dalam Kelas I dan II sahaja

dalam Kategori 4(a).

Bilangan Tawaran :
BBS/TCPT/2013-2014

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat Pengerusi


UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut-

JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN TINGKAT I
TANGGAGAJI : C.3-4 EB.5 (\$1990 - \$2970 SEBULAN)
KEKOSONGAN : 1 ORANG

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- a. i) Mempunyai Higher National Diploma (HND) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang Sains Perpustakaan atau bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II dalam tanggagaji C.1 selama tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

- b. Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan mestilah mempunyai laporan Penilaian Prestasi di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- a. Bertanggungjawab kepada Pegawai Perpustakaan.
b. Membantu kerja-kerja perpustakaan dalam cawangan tertentu.
c. Menyusun dan menyebarkan maklumat dengan penggunaan Sistem Teknologi Maklumat.
d. Terlibat secara langsung dalam perkembangan koleksi.
e. Mengkatalogkan, mengelas dan mengindeks bahan-bahan perpustakaan.
f. Memilih bahan-bahan perpustakaan untuk dipesan.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN

Borang P3 serta keterangan lanjut boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam. Borang-borang permohonan yang telah disikan dengan lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen yang berkenaan hendaklah dikembalikan **tidak lewat pada hari Sabtu, 11 Mei 2013** ke alamat berikut:

PENDAFTAR & SETIAUSAHA
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
JALAN TUNKU LINK, GADONG BE1410,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(UP: BAHAGIAN PENTADBIRAN)

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan tersebut **SATU LAPORAN SULIT DAN PRESTASI BAGI TEMPOH 3 TAHUN KEBELAKANGAN (SEKURANG-KURANGNYA SANGAT BAIK) SERTA SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP**.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (**shortlisted**) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.


KEMENTERIAN PERTAHANAN
**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**
MINDEF/DFA/2013/K/014
**"PEMBELIAN PERALATAN
DAN KELENGKAPAN
PERGIGIAN TERMASUK :
'INSTALLATION' DAN
'COMMISSIONING'"**

**Bayaran Tawaran: \$100.00
(tidak dikembalikan)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 21 Mei 2013**. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Bayaran tawaran, 'Tender Fee' dan 'Dokumen Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Bangunan Baru, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima
bayaran:-**

Isnin - Khamis :

8.00 pagi - 3.00 petang

Jumaat :

8.00 pagi - 10.30 pagi

2.00 petang - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran

seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu.

Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman web : <http://www.mindf.gov.bn>


INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI
INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI sukaici mempelawa pemohon-pemohon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti di bawah bagi mengisikan satu (1) jawatan kosong di Institut Teknologi Brunei.

1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS
JAWATAN : PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS
BAHAGIAN : III

TANGGAGAJI : C.2 EB.3 (\$1,450.00 - \$2,270 SEBULAN)

KEKOSONGAN : 1 ORANG

Syarat-Sarat Kelayakan

1. Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Mempunyai pengetahuan tentang kersmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara
3. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira dan / atau Perakaunan dan / atau dalam Pengurusan Stor / Kakitangan dan / atau pembelian alat-alat adalah kelebihan.
4. Mempunyai pengalaman dan kebolehan dalam bidang Ilmu Simpan Kira dan / atau Perakaunan dan / atau dalam Pengurusan Stor / Kakitangan dan / atau pembelian alat-alat adalah kelebihan.
5. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **CEMERLANG** dan mendapat sokongan yang kuat dari Setiausaha Tetap atau Ketua Jabatan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Menyelaras hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
2. Menyediakan dan memastikan semua rekod / akaun / ledger / buku stok sentiasa dikemaskinikan / teratur mengikut dasar / peraturan / sistem yang berkuatkuasa masa kini.
3. Menyelia / mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut permohonan / paras stok yang diperlukan.
4. Menyediakan pesanan permohonan barang atau bagi penambahan stok.
5. Melaksanakan pemeriksaan stok dan memastikan stok mencukupi dan terkawal.
6. Menyediakan laporan / penyata hal ehwal kawalan stok, pemeriksaan stok, pelupusan / hapus kira terhadap barang-barang stor.
7. Melaksanakan lain-lain tugas yang di-

arahkan oleh Bendahari.

MENGHADAPKAN BORANG PERMOHONAN:

Permohonan yang lengkap diisi berserta dengan kurikulum vitae (C.V.) dan salinan sijil hendaklah dihantar kepada:

Yang Mulia

Pendaftar dan Setiausaha

Institut Teknologi Brunei

Jalan Tunku Link, Gadong BE1410

BRUNEI DARUSSALAM

Atau hantarkan melalui email ke:

[pjcam.admin@itb.edu.bn](mailto:pjkam.admin@itb.edu.bn)

Borang permohonan boleh didapati di Bahagian Pentadbiran ITB atau melayari laman web www.itb.edu.bn.

Tarikh tutup bagi menghantar permohonan ialah pada: **27 Mei 2013**

Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada Pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama satu Laporan Sulit dan Penilaian Prestasi 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK**) serta salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah.



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV & V DI BAWAH

KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
HARI SELASA, 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 004/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENINGKATKAN
DAN MEMBAIKPULIH RANGKAIAN
JALAN SEDIADA (JALAN UTAMA,
JALAN PENGHUBUNG & PERSIMPANGAN
JALAN) DI TUTONG -
KAWASAN PEKAN TUTONG
PROJEK : 2013/TUT/K26210-01
Yuran Tawaran : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV & V DI BAWAH

KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
(SELASA), 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 005/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENINGKATKAN
DAN MEMBAIKPULIH RANGKAIAN
JALAN SEDIADA (JALAN UTAMA, JA-
LAN PENGHUBUNG & PERSIMPANGAN
JALAN) DI TUTONG - DI KA-
WASAN JALAN SUNGAI BESAR DAN
JALAN PENGIRAN AHMAD

PROJEK : 2013/TUT/K26210-02
Yuran Tawaran : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV , V & VI DI BAWAH
KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
(SELASA), 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 007/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENINGKATKAN
DAN MENAIKKAN PARAS JALAN
KEATAS RANGKAIAN JALAN PENDA-
LAMAN SEDIADA I.E JALAN UTAMA
TERMASUK PERSIMPANGAN JALAN
(KAWASAN MUDA BANJIR) BAGI JA-
LAN LONG MAYAN-MERANGKING.
PROJEK : 2013/TUT/K26210-01
Yuran Tawaran : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV & V DI BAWAH

KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
(SELASA), 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 008/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENINGKATKAN
DAN MENAIKKAN PARAS JALAN
KEATAS RANGKAIAN JALAN PENDA-
LAMAN SEDIADA I.E JALAN UTAMA
TERMASUK PERSIMPANGAN JALAN

(KAWASAN MUDA BANJIR) BAGI
JALAN LONG MAYAN-MERANGKING
- BUKIT.

PROJEK : 2013/TUT/K26210-02
Yuran Tawaran : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
IV , V & VI DI BAWAH
KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
(SELASA), 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 009/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MENINGKATKAN
DAN MENAIKKAN PARAS JALAN
KEATAS RANGKAIAN JALAN PENDA-
LAMAN SEDIADA I.E JALAN UTAMA
TERMASUK PERSIMPANGAN JALAN
(KAWASAN MUDA BANJIR) BAGI JA-
LAN MELABOI, KAMPUNG BUKIT.
PROJEK : 2013/TUT/K26210-03
Yuran Tawaran : \$500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM KELAS :
III , IV & VI DI BAWAH

KATEGORI KA01 SAHAJA
TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN :
(SELASA), 7 Mei 2013
TARIKH TUTUP TAWARAN :
Hari Selasa 21 Mei 2013,
(Jam : 2.00 petang)
BIL : JKR/DBSTUT 010/2013

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA SALIRAN DAN
BERBAGAI KERJA-KERJA PENGURANGAN
DAN PENCEGAHAN BANJIR
BAGI DAERAH TUTONG -
PEMBINAAN KALBAT
PROJEK : 2013/TUT/K26212-01

Yuran Tawaran : \$100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran. Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemberong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemberong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS KUALA BELAIT

SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO. 08/2013

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **ZAINAL ARIFIN BIN HAJI MINOR ABSAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HABI MINOR ABSAH BIN ABDUL SAMAD** yang telah meninggal dunia di dalam NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di **MAHKAMAH KUALA BELAIT** pada 2 MEI 2013 pada 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS**, KUALA BELAIT sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 20 APRIL 2013

SURAT KUASA PUSAKA NO.
KB/LA/NO. 09/2013

26. Awg. Hazziezal bin Mohamad Herry 00-306671 (K)
27. Dyg. Hazimah binti Jalil 01-046144 (K)
28. Dyg. Hazimah binti Umar 00-313917 (K)
29. Awg. Hadziq Al Hazazie bin Haji Marsidi 01-055056 (K)
30. Dyg. Haziqah binti Mohamad 01-044639 (K)
31. Dyg. Hazirah binti Jalil 01-046143 (K)
32. Dyg. Hazlami Fadhli bin Haji Hamid 01-050889 (K)
33. Awg. Hazman Hidayat bin Haji Tuah 00-250576 (K)
34. Awg. Hazmin @ Zul Majdi bin Kasim 294470 (K)
35. Dyg. Hazni @ Haifa Hannani binti Haji Md. Hashim 00-292462 (K)
36. Dyg. Hazyah binti Umar 01-034930 (K)
37. Dyg. Heirliana binti Mohd. Ali 01-068123 (K)
38. Dyg. Heng Yong Hui @ Adeline Heng 01-065029 (K)
39. Awg. Herman bin Mohd. Tejudin 00-296338 (K)
40. Awg. Herryanto bin Sipun 00-290372 (K)
41. Dyg. Hidawati binti Awg. Mohammed 01-072946 (K)
42. Dyg. Hidayatul Ajeerah binti Awg. Haji Kamis 01-034807 (K)
43. Awg. Hing Wil Liam 01-069997 (K)
44. Awg. Hing Wil Loong 01-067887 (K)
45. Dyg. Hing Wil Ni 01-060719 (K)
46. Dyg. Hisyamuddin bin Zulkipli 01-035927 (K)
47. Dyg. Hou Biau Ching @ Joanee Hou 00-305032 (K)
48. Awg. Hu Yee Fah 01-046267 (K)
49. Dyg. Husme Nur Firuz E'zzah binti Haji Layar 01-064297 (K)
50. Awg. Haji Ibrahim bin Haji Kassim 00-017975 (K)
51. Awg. Ibrahim bin Haji Taim 00-077198 (K)
52. Awg. Idris bin Ali Yusop 01-052590 (K)
53. Awg. Idriyani bin Lefmin 284447 (K)
54. Awg. Idrus bin Ahmad 00-289445 (K)
55. Awg. Ikram bin Haji Nokman 00-284952 (K)
56. Dyg. Ili Aqilah binti Baharin 01-050870 (K)
57. Awg. Imran bin Haji Awg. Moksin 00-300572 (K)
58. Awg. Imran bin Hamdan 264411 (K)
59. Dyg. Irene Sigang Loran Anak Bujang 01-040292 (K)
60. Awg. Irma Azizun bin Haji Matussin 00-290595 (K)

TARIKH TEMU DUGA :
6 MEI 2013 (HARI ISNIN)
JAM : 8.00 PAGI
BIL. NAMA NO. K/P

1. Awg. Irwan bin Mustapa 00-273511 (K)
2. Awg. Irwan @ Bob bin Musa 00-286568 (K)
3. Awg. Isa bin Mohd. Sazali 01-033485 (K)
4. Awg. Isa @ Joe bin Musa 00-317303 (K)
5. Awg. Isani bin Idris 2733253 (K)
6. Dyg. Isma Faizah binti Haji Ismail 00-317276 (K)
7. Awg. Isma Farid bin Haji Ismail 01-041869 (K)
8. Awg. Isma Nurfahiah bin Simat 00-315407 (K)
9. Awg. Ismaidnuddin bin Haji Mohamed 00-304731 (K)
10. Awg. Ismail bin Ali 00-312022 (K)
11. Awg. Ismail bin Awg. Haji Omar 0-264324 (K)
12. Awg. Ismail bin Haji Latif 289510 (K)
13. Awg. Ismawandi bin Nayan 01-111993 (K)
14. Dyg. Hajah Izazi Aqilah binti Haji Mosli 01-039004 (K)
15. Awg. Izuddin bin Haji Ahmad 00-320054 (K)
16. Dyg. Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman 01-041605 (K)
17. Awg. Izzul Azizi bin Haji Othman 00-322917 (K)
18. Awg. Jabruulah Syukri Waliyuddin 01-039958 (K)
@ Muhd. Syukri bin Sabollah/Hasbullah
19. Dyg. Jainab binti Hassan 01-048252 (K)
20. Dyg. Jaliha binti Haji Badar 00-121472 (K)
21. Dyg. Jamilah binti Haji Masri 00-272129 (K)
22. Dyg. Hajah Jamilah binti Haji Abd. Rahman 00-287019 (K)
23. Dyg. Hajah Japaridah binti Haji Kambar 00-253836 (K)
24. Dyg. Jasmine Kristin Wong Mei Yik 00-318628 (K)
25. Awg. Jason Wong Yun Hui 01-038497 (K)
26. Awg. Jefri bin Haji Sulaiman 00-117020 (K)
27. Awg. Jefri bin Johari 01-040496 (K)
28. Awg. Job Ong Kok Woon 01-055511 (K)
29. Awg. Johari bin Mohd. Adam @ Johnne Anak Edang 01-110536 (K)
30. Awg. Joseph Anak Kayan 01-112202 (K)
31. Awg. Joshua Osman bin Mohd. Ali 01-051236 (K)
32. Dyg. Junhaida binti Haji Dosaman @ Haji Md. Saman 00-292433 (K)
33. Dyg. Juliana binti Jumat 00-293078 (K)
34. Awg. Jumaidi bin Haji Abdul Rahman 00-112104 (K)
35. Awg. Junaidi bin Busrah 00-280508 (K)
36. Awg. Junaidi bin Haji Lingas 00-269975 (K)
37. Dyg. Junidah binti Ismail 00-293619 (K)
38. Awg. Justin Wong Soon Teck 00-287376 (K)
39. Awg. Justin Wong Yun Yaw 00-300166 (K)
40. Dyg. Kamalia Izazie @ Siti Aisah binti Elyas 01-058341 (K)
41. Dyg. Kamariah binti Haji Mohd. Nordin 00-306643 (K)
42. Awg. Haji Karol Zaman bin Haji Ibrahim 00-270971 (K)
43. Awg. Kasim bin Haji Ruslan 00-112067 (K)
44. Awg. Kasmi bin Haji Mohd. Salleh 00-307858 (K)
45. Awg. Kevin On Yun Ming 01-062347 (K)
46. Dyg. Khadijah binti Haji Idris 00-284974 (K)
47. Dyg. Khadijah binti Suhaili 01-053687 (K)
48. Dyg. Khairani binti Haji Ridzuan 00-304944 (K)
49. Dyg. Khairin Ainie binti Khir Anuar 01-059807 (K)
50. Awg. Khairol Kholili bin Haji Kassim 00-045782 (K)
51. Awg. Khairul Anwar bin Haji Ismail 00-309291 (K)
52. Awg. Haji Khairul Ariffin bin Marzuki 00-319123 (K)
53. Awg. Khairul Azizi bin Hussin 01-066223 (K)
54. Awg. Khairul Azri bin Awg. Matusof 01-032998 (K)
55. Awg. Khairul Erwan Shah bin Haji Azizi 00-301645 (K)
56. Awg. Khairul Faisal bin Ismail 00-284777 (K)
57. Awg. Khairul Husni @ Abdul Rahim @ Mohd. Hassan 01-063387 (K)
58. Dyg. Khairul Nizah binti Mohammad 00-318249 (K)
59. Awg. Khairul Shaminan bin Abdul Malik 00-300002 (K)
60. Awg. Kahairun bin Haji Drahman 01-059954 (K)

TARIKH TEMU DUGA :
7 MEI 2013
(HARI SELASA) JAM : 8.00 PAGI
BIL. NAMA NO. K/P

1. Dyg. Khairunissa Ani binti Ibrahim 00-317327 (K)
2. Dyg. Khairunissa Nurwaheedah binti Haji Safri 01-041562 (K)
3. Awg. Khairunnizam bin Abdullah @ Hasrunizam bin Satur 00-305747 (K)
4. Dyg. Khairunnajwa Wasilah binti Haji Ismail 01-043902 (K)
5. Dyg. Khairunnida Nabilah binti Haji Ismail 01-036801 (K)
6. Dyg. Khairunnisa Bazilah binti Haji Ismail 00-304274 (K)
7. Dyg. Khairunnisa binti Haji Abdullah 00-319686 (K)
8. Dyg. Khairunnisa binti Ahmad 01-060634 (K)
9. Dyg. Khairunnisa binti Haji Ahmad 00-319933 (K)
10. Dyg. Khairunnisa binti Haji Md. Said 01-051608 (K)
11. Dyg. Khairunnisa binti Mohd. Said 00-323076 (K)
12. Awg. Khairusy Syakirin bin Zakeria 00-301627 (K)
13. Awg. Khalis bin Saab 00-320784 (K)
14. Awg. Haji Kharul Rizal bin Haji Duai 01-075177 (K)
15. Dyg. Khatizah Nurizwanah binti Mohd. Nurul Hafizan 00-294642 (K)
16. Dyg. Khazaimah binti Kamsol 01-068296 (K)
17. Awg. Khoo Soon Tian 00-321695 (K)
18. Dyg. Khoo Tek Zen 00-291875 (K)
19. Dyg. Kitty binti A. Damit / A. Rosli 00-284705 (K)
20. Dyg. Koh Hui Zhen 01-044447 (K)
21. Awg. Koh Junyu 01-050815 (K)
22. Awg. Kong Yeung Yih 01-080338 (K)
23. Awg. Krishan Lai Kuan Shen 01-064207 (K)
24. Awg. Kuan Kong Poon 01-117134 (K)
25. Dyg. Lailatul Norfazila binti Kamal Batcha 01-066697 (K)
26. Dyg. Lailawati Binti Jindin 01-076411 (K)
27. Awg. Law Teck Sam 01-075053 (K)
28. Dyg. Lay Lian Fah 01-061978 (K)
29. Awg. Lee King Guan @ Lee Kh Eng Guan 01-110530 (K)
30. Dyg. Lee Yoke Ling 01-101780 (K)
31. Dyg. Leesah Binti Haji Sahari @ Nur Hanisah 00-292899 (K)
32. Dyg. Lenny Susilawati binti Sani 00-289184 (K)
33. Dyg. Liew Mei Fei 01-076984 (K)
34. Dyg. Liew Shih Hui 01-104920 (K)
35. Awg. Lim Boon Theng @ Edmund Lim 01-045278 (K)
36. Awg. Lim Boon Thiong @ Raymond Lim 01-058791 (K)
37. Awg. Lim Cheng Yen 00-280496 (K)
38. Awg. Lim Jyh Jye 01-078084 (K)
39. Awg. Lim Sei Poh @ Lim Sei Teng 00-304301 (K)
40. Awg. Lim Shi Cheng 01-049432 (K)
41. Dyg. Lim Shih Ying 01-056089 (K)
42. Dyg. Lim Siew Mei 01-101688 (K)
43. Dyg. Lin Sy Chyn 00-073156 (K)
44. Dyg. Lissa Hanisa binti Borhanudin 00-299595 (K)
45. Awg. Livingston Ong John Heng 01-110650 (K)
46. Dyg. Liyana Amalina Khairunnisa binti Sani 01-063847 (K)
47. Dyg. Liyana binti Awg. Haji Hassan 01-039134 (K)
48. Dyg. Lu'luim Juwayriyah binti Haji Mohd. Juanda 01-042943 (K)
49. Dyg. Mah Hui Hui 01-104788 (K)
50. Awg. Mahadi bin Haji Damit 00-259286 (K)
51. Dyg. Mahani binti Mohd. Tahir 00-006426 (K)
52. Dyg. Mahani binti Tahir 00-253129 (K)
53. Awg. Mahdi Anak Mawan 01-091145 (K)
54. Awg. Haji Mahmud bin Haji Ghani 00-264134 (K)
55. Awg. Haji Mahmud bin Haji Mail 00-255289 (K)
56. Awg. Maimon bin Haji Mohamad 01-047538 (K)
57. Dyg. Maimunah binti Wahid 00-262596 (K)
58. Dyg. Hajah Maimunah Sari Dato Paduka Haji Mat Tusin 00-306089 (K)
59. Dyg. Maisalamah binti Pudin 00-296157 (K)
60. Dyg. Mandy Lim Ching Yie 01-033823 (K)

TARIKH TEMU DUGA :
8 MEI 2013 (HARI RABU)
JAM : 8.00 PAGI
BIL. NAMA NO. K/P

1. Dyg. Manisah binti Haji Brahim 00-308927 (K)
2. Dyg. Hajah Marani binti Haji Mahrop 01-052250 (K)
3. Dyg. Mardiana binti Haji Asahwi 00-286631 (K)
4. Dyg. Mariam Gery @ Maria A Garay 01-070162 (K)
5. Dyg. Mariani binti Haji Omar 00-310574 (K)
6. Dyg. Mariatul Kibthiah binti Mohamed 00-296559 (K)
7. Dyg. Marlina binti Abu Bakar 00-299784 (K)
8. Dyg. Marlisa binti Samsudin 00-298717 (K)
9. Dyg. Marziyana binti Marzuki 01-065743 (K)
10. Awg. Marzuki bin Haji Mohd. Seruddin 00-318866 (K)
11. Awg. Haji Mas Akmal Rizal bin Haji Taha 00-287097 (K)
12. Awg. Mas Hairul Hamdey bin Mohd. Rosdi 00-292741 (K)
13. Dyg. Mas Linda Wati binti Haji Abd. Hamid 00-268501 (K)
14. Awg. Mas Mu'izzuddin Abdul Qayum bin Haji Abdul Majid 00-317941 (K)
15. Dyg. Masayu binti Haji Shahadan 00-292431 (K)
16. Dyg. Mashanah binti Haji Abd. Hamid 00-287662 (K)
17. Dyg. Masjidah binti Haji Piut 00-118861 (K)
18. Dyg. Masjiddah binti Md. Said 00-278248 (K)
19. Awg. Masli bin Limas 00-292172 (K)
20. Dyg. Maslina Anak Gayau 00-311935 (K)
21. Dyg. Maslinda binti Mazid 00-291918 (K)
22. Dyg. Maslina binti Haji Mohammad Tamim 00-075013 (K)
23. Dyg. Masni binti Haji Kamis 00-384397 (K)
24. Dyg. Mass Norain binti Haji Md. Yussof 00-300773 (K)
25. Dyg. Mastika binti Hasfar 00-051183 (K)
26. Dyg. Masturah binti Mohamad Dali 01-044440 (K)
27. Awg. Maswadi bin Sarjana 00-258700 (K)
28. Dyg. Maswani binti Haji Ahmad 00-288317 (K)
29. Dyg. Maswara binti Haji Wasli 00-283383 (K)
30. Dyg. Maswati binti Puasa 00-266024 (K)
31. Dyg. Maswemah binti POKJAID DP Haji Mashor 00-118391 (K)
32. Awg. Mat Harni bin Awg. Mat Japar 00-312447 (K)
33. Awg. Mat Nizam bin Haji Mohammad 00-301888 (K)
34. Awg. Matassan bin Bakar 00-289132 (K)
35. Dyg. Mawaarni binti Haji Kamis/Ariffin 00-312510 (K)
36. Dyg. Hajah Mawarni binti Haji Md. Salleh 00-284270 (K)
37. Dyg. Maydiahna binti Mohammad Ali 00-288885 (K)
38. Awg. Mazalan bin Haji Amat 00-114129 (K)
39. Awg. Mazalan bin Metussin 275349 (K)
40. Awg. Mazlan bin Haji Mohammad 00-115119 (K)
41. Awg. Mazlan bin Haji Yahya 00-255188 (K)
42. Awg. Maznah binti Haji Jair 00-308747 (K)
43. Dyg. Mazrina binti Awg. Mohammad 00-308432 (K)
44. Awg. Haji Md. Abdul Iskandar bin Haji Ismail 01-032610 (K)
45. Awg. Md. Khairun Najib bin Haji Nordin 01-034516 (K)
46. Awg. Md. Nur Aizuddin bin Ramli 00-312988 (K)
47. Awg. Md. Zahran Habibullah bin Mohd. Zulshofiyah 01-064111 (K)
48. Awg. Md. Nur Aizuddin bin Ramli 00-312988 (K)
49. Awg. Md. Zharfan Habibullah bin Mohd. Zulshofiyah 01-055605 (K)
50. Dyg. Mimi Norhanirah binti Mahani 01-061109 (K)

BERSAMBUNG KELUARAN SETERUSNYA

Program Induksi dedahkan guru dengan pelbagai tugas

BANDAR SERI BEGAWAN. - Seramai 69 guru sekolah kerajaan terlibat dalam Program Induksi Bagi Guru-Guru Baru Tahun 2013. Mereka terdiri daripada 16 lelaki dan 53 perempuan yang merupakan guru-guru yang baru saja dilantik dan bertugas di sekolah-sekolah kerajaan.

Program Induksi itu merupakan program tahunan yang dikendalikan oleh Bahagian Pendidikan Rendah (BPR), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) sebagai langkah awal BPR bagi memperkenalkan dan mendedahkan isu serta cabaran yang berkaitan dengan kerjaya sebagai tenaga pendidik di bawah BPR, JSS.

Antara objektif program tersebut ialah untuk mendedahkan guru-guru yang baru dilantik kepada pelbagai tugas, tanggungjawab dan peranan mereka sebagai guru baru dilantik di bawah BPR, selain membarigakan maklumat-maklumat terkini mengenai BPR serta mendedahkan guru-guru yang baru dilantik mengenai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Hadir selaku tetamu kehormat pada Program Induksi yang berlangsung di Sekolah Rendah Rimba II, Zon Brunei III pada 18 April 2013 itu ialah Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, BPR, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Turut hadir ialah Penolong Pengarah BPR, Awang Nudin bin Haji Mohammad, pemangku peno-



PEMANGKU Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Bahagian Pendidikan Rendah, Awang Haji Azis bin Haji Nayan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Induksi Bagi Guru-Guru Baru 2013.

long-penolong pengarah, pegawai-pe-gawai kanan dan pegawai-pegawai BPR.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Mohammad Syafiee bin Haji Japar disusuli dengan ucapan oleh tetamu kehormat majlis.

Atur cara dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi yang merangkumi

beberapa taklimat antaranya Struktur Organisasi BPR dan Taklimat Hal Pentadbiran Rendah; SPN21; Perintah-Perintah Am (GO); Prestasi Pengajaran dan Sesi Soal Jawab.

Aktiviti pada sesi petang merangkumi beberapa taklimat iaitu Perkembangan Staf; Program Mentoring; Penetapan Jawatan; Sesi Soal Jawab dan seterusnya penyampaian sijil kepada peserta program.

Pendekatan sepadu atasi masalah literasi, numerasi murid

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarali

SERIA, Ahad, 21 April. - Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin, Dayang Hajah Maria binti Abdullah berkata satu pendekatan yang sepadu perlu dilaksanakan supaya masalah literasi dan numerasi dapat dikesan dan dipulihkan seawal Tahun I.

"Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai kemahiran asas numerasi dan literasi merupakan kumpulan yang berisiko kecinciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya," katanya pada Majlis Penyelidikan Data Literasi dan Numerasi Panaga yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), di sini.

Menurut analisa Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah, Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan menunjukkan masih terdapat sebilangan murid sekolah rendah yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana tidak boleh membaca dengan baik.

Sementara itu keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah dalam mata pelajaran Matematik juga menunjukkan penurunan peratus lulus pada tahun 2012 berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pada majlis tersebut, beliau selaku Pengurus Bahagian Profesional, Jawatankuasa Guru-guru Besar Sekolah-sekolah Rendah (JASPER) Daerah Belait mengesyorkan guru-guru supaya membantu murid-murid berkenaan mengatasi masalah dalam penguasaan kemahiran-kemahiran asas dengan pendekatan, kaedah, bahan-bahan pengajaran alternatif selaras dengan keupayaan dan potensi serta minat mereka dan juga memperkembangkan potensi murid-murid tersebut semaksimum mungkin.

"Pemantauan yang berterusan juga diperlukan oleh guru dan pihak sekolah untuk memastikan program-program yang diungkapkan mencapai objektif yang diharapkan," tegasnya.

Beliau menegaskan bahawa kerjasama padu oleh pemimpin sekolah, guru-guru dan ibu bapa banyak menyumbang kepada

kelancaran dan kejayaan program dan aktiviti yang dijalankan di sebuah sekolah.

Beliau berkata Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan tahap kemahiran murid dalam numerasi dan literasi.

Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21), tambahnya, memfokus bidang pembelajaran yang luas bagi membolehkan pelajar mendapat kemahiran asas, pengetahuan dan kefahaman dengan sikap dan nilai yang tepat untuk memastikan perkembangan secara holistik.

Pada majlis itu beliau juga menyampaikan penghargaan kepada Sekolah Rendah Panaga kerana telah berjaya menghasilkan program-program yang boleh meningkatkan tahap kemahiran literasi dan numerasi murid-murid.

"Apa yang diharapkan segala ilmu yang dikongsikan akan digunakan dan diaplikasikan oleh guru-guru yang hadir untuk meningkatkan tahap kemahiran literasi dan numerasi murid-murid di sekolah masing-masing," ujarnya.

Seramai 58 guru termasuk guru besar dan penolong guru besar serta 28 guru Bahagian Literasi (Bahagian Kemahiran Membaca Dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) dan Numerasi (Bahagian Kemahiran Matematik) dari 14 buah sekolah rendah Daerah Belait dan setiap sekolah menghantar dua wakil untuk menghadiri majlis yang dikendalikan oleh Bahagian Profesional, JASPER Daerah Belait dan dengan kerjasama Sekolah Rendah Panaga.

Guru Besar Sekolah Rendah Labi, Dayang Maslinah binti Muhd. Masdi selaku Timbalan Pengurus Bahagian Profesional, JASPER Daerah Belait menjelaskan majlis memfokuskan mengenai penyelidikan data bagi menilai sejauh mana kemajuan dan kelemahan murid.

Beliau berkata, Sekolah Rendah Panaga merupakan penggerak utama yang menggunakan kaedah tersebut dan pada majlis tersebut, guru-guru sekolah berkenaan berkongsi sama dengan guru-guru dari sekolah lain bagaimana cara membuat kaedah berkenaan.

DAYANG Aliyah Rahagi binti Muhd. Deli menyampaikan surat lantikan kepada salah seorang ahli MP dan PRS.

menerima surat lantikan dan lencana bagi Sesi 2013-2014 yang disampaikan oleh pengetua sekolah berkenaan di dewan maktab tersebut, di sini.

Bacaan Ikrar MP diketuai oleh Yang Dipertua MP Sesi 2013-2014, Natasha Leeta Anak Keram.

Pelajar-pelajar berkenaan yang dilantik melalui proses temu duga diberi peluang untuk bercakap dan mengemukakan pendapat dalam masa yang lama dengan harapan mereka yang dipilih itu nanti menepati ciri-ciri yang diperlukan sebagai pemimpin dalam kalangan pelajar dan boleh dijadikan sebagai contoh dari segi sikap, ketramplinan, berinteraksi sesama rakan dan guru serta menunjukkan kesungguhan untuk

belajar, bermotivasi tinggi, berkeperibadian mulia dan berwibawa.

Sebelum itu, pelajar-pelajar yang baru dilantik dan ahli-ahli MP tahun 2012 telah menyertai Perkhemahan Kepimpinan selama empat hari di Serasa, Muara.

Melalui perkhemahan tersebut mereka memperoleh pelbagai kemahiran terutama dalam membuat aktiviti secara berpasukan dan aktiviti lasak.

Majlis diserikan dengan persembahan pentas, lakonan pelajar Tahun 7B 'Sang Monyet dengan Kura-kura', slaid Kem Kepimpinan 2013 dan slaid aktiviti-aktiviti MP dan PRS sepanjang tahun 2012 serta penyampaian sijil penghargaan kepada MP dan PRS tahun 2012 dan penyampaian sijil penyertaan mengikuti Perkhemahan Kepimpinan MP 2013.



GURU-GURU besar dan penolong guru besar serta guru-guru Bahagian Literasi dan Numerasi menghadiri Majlis Penyelidikan Data Literasi dan Numerasi Panaga.

Dayang Aliyah juga menyeru agar mereka tidak menutup mata dan telinga hanya kerana si pelakunya ialah kawan mereka sendiri.

Pada majlis itu seramai 34 pelajar dilantik sebagai MP, 20 PRS dan 50 pelajar sebagai ketua kelas dengan

183 ahli PPPBD terima Kad Waran, Lencana Keahlian

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Ahad, 21 April. - Seramai 183 ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) menerima Kad Waran dan Lencana Keahlian Senegara Tahun 2013.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan Kad Waran dan Lencana Keahlian kepada para penerima ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim. Majlis berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Kampung Lambak Kiri, di sini.

Mereka terdiri daripada seorang penerima Waran Pesuruhjaya, 13 pemimpin menerima Waran, enam pemimpin menerima Pre-Waran dan 163 penerima bagi Lencana Keahlian Tenderfoot.

Penyampaian Kad Waran dan Len-

cana Keahlian yang dikendalikan bersama oleh PPPBD, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan Sekolah Menengah Lambak Kiri itu merupakan kegiatan tahunan PPPBD bagi ahli-ahli baru yang menyertai persatuan.

Kad Waran adalah lesen kepanduan yang dianugerahkan kepada Pesuruhjaya dan Pemimpin bagi membolehkan mereka untuk menjalankan Program Pendidikan Tidak Formal Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (World Association of Girl Guides and Girl Scouts - WAGGGS) yang diselaras dan disesuaikan dengan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja.

Lencana Keahlian (Tenderfoot Badge) PPPBD dianugerahkan kepada ahli yang baru mendaftar untuk menjadi ahli dan telah mempelajari serta memahami Persefian dan

Undang-Undang Pandu Puteri dan Pandu Puteri Tunas, selain telah dapat menyelesaikan 'Pre-Promise Challenges' yang terdapat dalam Buku Rekod setiap kategori keahlian.

Selain itu, penganugerahan Kad Waran dan Lencana Keahlian itu juga merupakan sebagai pengiktirafan bagi memudahkan ahli untuk bergerak aktif menjalankan dan mengikuti kegiatan PPPBD dan Persatuan WAGGGS sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

PPPBD melibatkan enam kategori keahlian iaitu Pandu Puteri Tunas yang berumur lima hingga 11 tahun, Pandu Puteri berumur 11 hingga 16 tahun, Pandu Puteri Ranger berumur 17 hingga 19 tahun, Pemimpin Muda berumur 20 hingga 22 tahun, Pemimpin Dewasa (guru-guru pengawas, ibu bapa dan sukarelawan), Jawatankuasa Tadbir (JKT) dan Ahli Majlis.

Majlis diakhiri dengan penanaman pokok di hadapan dewan sekolah berkenaan.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim menyampaikan Kad Waran kepada salah seorang ahli Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Kemas kini pengetahuan juruteknik audio

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 22 April. - Seramai 20 pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) menghadiri kursus Latihan Asas bagi Juruteknik Audio yang dikelakon oleh Bahagian Latihan dan Pusat Sumber, JBS.

Kursus yang bermula hari ini hingga 25 April diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, di sini.

Seorang tenaga pengajar dari Malaysia, Paul Chong akan membimbing Kursus Asas bagi Juruteknik Audio tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat

dibacakan oleh Awang Shahram bin Haji Abd. Rahman.

Pemangku Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd Daud dalam ucapananya antara lain berkata kursus ini bertujuan untuk melatih, mengajar dan mengemaskini pengetahuan juruteknik audio pada peringkat asas yang akan dapat melatih para peserta dalam penyediaan dan pengendalian peralatan audio, mikrofon, sound speakers, projectors, recording equipment, connecting wire and cable, sound and mixing boards dan peralatan elektronik

yang berkaitan untuk konsert, acara sukan, mesyuarat dan konvensyen,

persembahan dan persidangan berita.

Menurutnya, peralatan-peralatan audio canggih dan berkuasa tinggi tidak semestinya memberikan bunyi yang bermutu tanpa adanya juruteknik audio yang mahir dan berpengalaman mengenai fungsi peralatan audio tersebut.

Oleh itu beliau menyeru agar para peserta tidak akan memandang pengalaman ini hanya sekadar untuk kepentingan diri sendiri malah akan menggunakan apabila menghadapi situasi sebenar.

Beliau juga menyarankan agar mereka menggunakan peluang ini untuk menambah pengetahuan dan meluaskan pengalaman tentang sistem audio, di samping menguji kebolehan masing-masing sebagai juruteknik audio.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud semasa menghadiri pelancaran kursus tersebut (empat dari kiri).

Hapus sikap pentingkan diri sendiri

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali (kiri) menyampaikan sijil kepada seorang belia yang menjadi Ahli Kelab Pusat Belia Daerah Tutong 2013-2015.

TUTONG, Sabtu, 20 April. - Penglibatan golongan belia dalam merealisasikan Wawasan Negara adalah sangat penting kerana mereka adalah pewaris masa depan negara yang akan menikmati Wawasan 2035.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 tidak dinafikan sudah setentunya adalah memerlukan banyak pengorbanan terutama dari golongan belia. Justeru sebagai bangsa Brunei terutama golongan belia perlulah sama-sama berganding bahu untuk

membina negara ini selaras dengan Wawasan Negara 2035.

Demikian ditegaskan oleh Ketua Cawangan Belia dan Sukan Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly dalam ucapannya pada Majlis Penghargaan Kelab Pusat Belia Daerah Tutong (KPBDT).

"Dan perkara asas yang perlu kita tanamkan dalam diri kita ialah menghapuskan sifat 'Kau Kau Aku

Aku' dan seumpamanya, kerana sifat seumpama inilah yang boleh melambatkan proses kemajuan negara ini," tegas beliau pada majlis yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Pekan Tutong, di sini.

Menurutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah banyak menyentuh mengenai perkara ini dalam titah-titah baginda yang mana menginginkan golongan belia yang komited dan mempunyai sifat kesedaran atau responsif terhadap apa jua usaha kerajaan untuk negara ini, iaitu sekurang-kurangnya belia perlu memahami apa agenda dan aspirasi kerajaan dalam melakukan sesuatu rancangan dan tidak boleh terlepas pandang atau berkata tidak tahu, kerana perbuatan lepas pandang atau berkata tidak tahu itu adalah amat memalukan bagi sesuatu bangsa yang sedang membangun.

Menyentuh mengenai KPBDT, beliau berkata KPBDT merupakan sebuah kelab yang bernaung di Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Tutong dan ditubuhkan secara rasmi pada 1 Januari 2011 yang mana fungsi dan peranannya adalah bertanggungjawab dalam memeduli hal-ehwal belia khususnya dalam merancang dan melaksanakan apa jua bentuk aktiviti yang menjurus kepada pembangunan jati diri belia, umpamanya menerapkan ciri-ciri kepimpinan dalam diri belia, memajukan diri belia dari segi ilmu pengetahuan secara formal dan tidak formal serta menerapkan nilai-nilai

kerja berpasukan sesuai dengan Visi dan Misi JBS, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Apa yang lebih membanggakan lagi, nadi penggerak kelab ini ialah 99 peratus dijalankan, ditadbir dan dikendalikan oleh para belia sendiri, manakala ahli jawatankuasa yang dilantik adalah terdiri daripada belia-belia yang berumur antara 15-30 tahun dari pelbagai latar belakang persatuan," jelasnya.

Melalui kelab ini, tambahnya, para belia belajar menerokai cabang ilmu baru yang setentunya tidak dapat diperolehi dalam pendidikan formal untuk dijadikan sebagai bekalan hidup terutama di alam pekerjaan nanti.

Pada masa yang sama, beliau menyeru ahli Jawatankuasa baru KPBDT bagi sesi tahun 2013-2015 yang baru dilantik supaya akan dapat meningkatkan lagi usaha-usaha dan penglibatan mereka dalam kerja-kerja sukarela tanpa mengira latar belakang pihak yang memerlukan selagi ianya tidak bertentangan dengan konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Di samping itu, jelasnya, para belia juga digalakkan untuk menerokai kaedah atau strategi baru ke arah memastikan Wawasan Negara dapat dicapai menjelang tahun 2035 terutama dalam melahirkan rakyat dan golongan belia yang terpelajar lagi berkemahiran bagi memastikan dan membolehkan kita bersaing di tengah-tengah kemajuan dunia globalisasi ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan itu ialah Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Pada majlis tersebut seramai 20 ahli Jawatankuasa KPBDT bagi sesi

2011-2012 menerima sijil penghargaan masing-masing daripada tetamu kehormat majlis.

Sementara itu, seramai 30 orang ahli pula menerima Surat Pelantikan Jawatankuasa KPBDT bagi sesi 2013-2015.

Majlis diserikan lagi dengan beberapa persembahan tarian, tayangan klip video dan persembahan Lagu Sumpah Belia dan persembahan 'Grand Finale' daripada jawatankuasa KPBDT.

Antara lain majlis adalah bertujuan bagi memberi penghargaan kepada belia-belia khususnya di Daerah Tutong yang telah banyak membantu negara ini secara amnya dan khususnya JBS cawangan Daerah Tutong dalam sama-sama merancang, mengendali dan menyertai program kebeliaan dan kesukanan serta dalam masa yang sama memeduli hal-ehwal kebeliaan ke arah menangani isu-isu sosial di daerah ini secara sukarela tanpa mengira penat lelah melalui KPBDT.

KPBDT yang ditubuhkan sejak tahun 2011 mempunyai lebih 200 orang ahli di dalamnya dan mempunyai visi iaitu untuk melahirkan belia yang cemerlang, kreatif dan bertanggungjawab serta misinya adalah bersedia dalam memberikan khidmat serta mengikuti kegiatan yang berbentuk kebeliaan dan kesukanan yang menjurus kepada pembangunan diri.

Lima bahagian yang menggerakkan aktiviti KPBDT ialah Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Bahagian Sukan dan Rekreasi, Bahagian Keagamaan dan Kemasyarakatan, Bahagian Latihan dan Pendidikan dan Bahagian Keusahawanan.

Strategi IP Kebangsaan dukung Wawasan 2035

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 April. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh berharap pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) akan dapat mempertimbangkan bagi penubuhan Strategi Harta Intelek (IP) Kebangsaan yang mana dasar strategi tersebut nanti akan menggariskan cara terbaik membangunkan modal insan untuk sistem inovasi yang dapat menarik pelaburan langsung asing dan membantu dalam membina ekonomi yang inklusif.

Menurut Yang Berhormat, ia akan menjadi satu dokumen negara yang komprehensif dan mengetengahkan bagaimana semua dasar pembangunan dan perlaksanaan berlaku dengan cara yang diselaraskan dengan rangka kerja kebangsaan.

Katanya, melalui Strategi IP Kebangsaan dan penubuhan sepenuhnya IP di Negara Brunei Darussalam, ia setentunya akan menandakan satu pencapaian yang luar biasa dalam pembangunan IP di negara ini, terutama dalam merealisasikan Wawasan 2035 dan berikrar untuk memberi sepuhnya apa jua bentuk sokongan bila diperlukan.

Perkara ini dijelaskan dalam ucaptama Yang Berhormat pada Majlis Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia dan Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan '30 Seconds Informercial' yang berlangsung di iCentre, Anggerek Desa, di sini.

Terdahulu dalam ucaptamanya, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati memuji usaha Pejabat Pendaftaran Paten (PRO) dan Skim Inisiatif LKEB dalam meningkatkan dan mendukung IP di negara ini.

Yang Berhormat berkata tema Hari Harta Intelek Sedunia iaitu 'Kreativiti - Generasi Seterusnya' sangat relevan dan mustahak bagi semua terutamanya generasi baru negara ini yang mana kreativiti memerlukan persekitaran kondusif untuk berkembang dan berjaya, persekitaran yang memahami dan menghormati Hak Harta Intelek, sama ada paten, reka bentuk perindustrian, cap dagang atau hak cipta dan hak-hak yang berkaitan.

Dalam konteks pembangunan dan perlindungan IP di negara ini, Yang Berhormat menggariskan bahawa usaha-usaha ke arah penubuhan Pejabat Harta Intelek Kebangsaan sedang dalam proses perlaksanaannya ketika ini.

Fasa pertama, tambahnya, ialah

pemindahan Paten Pendaftaran dan Reka Bentuk Industri kepada LKEB sudah pun siap pada tahun 2012 lepas.

Sementara itu, perbincangan mengenai pemindahan Pendaftaran Cap Dagang (Trademark) pula sedang dalam perlaksanaannya yang mana Yang Berhormat melahirkan keyakinan bahawa ia akan siap sebeberapa segera sebelum tarikh akhirnya dalam tahun ini.

Yang Berhormat dalam ucaptamanya turut menyatakan bahawa Pejabat Peguam Negara (PPN) dan PRO saling bekerjasama bagi menilai semula undang-undang IP termasuk perjanjian dan konvensyen antarabangsa bagi memastikan Perlindungan IP di Negara Brunei Darussalam adalah mengikut keperluan negara serta selaras dengan piawaiant arabangsa.

Negara Brunei Darussalam, jelasnya, telah menjadi ahli kepada Konvensyen Paris, Perjanjian Kerjasama Paten dan Perjanjian Budapest pada tahun lalu.

Yang Berhormat turut mengambil

maklum bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Negara Brunei Darussalam untuk menyertai Perjanjian Hague (Hague Agreement) bagi Pendaftaran Antarabangsa dalam Reka Bentuk Perindustrian.

Perjanjian yang lain, menurut Yang Berhormat, seperti Protokol Madrid dan 'WIPO Copyright Treaty' (WCT) dan 'Performances WIPO' dan 'Phonogram Treaty' (WPPT) masih sedang dikaji yang mana proses tersebut akan memerlukan kajian semula undang-undang serta perundingan.

Dalam bidang penguatan kuasa pulu, jelasnya, Bahagian Keadilan Jenayah (Criminal Justice Division - CJD) PPN juga telah berjaya dalam kes-kes di mahkamah negara ini.

"Dalam usaha untuk mengukuhkan inisiatif penguatan kuasa di bawah Perintah Hak Cipta, kami sudah berada di peringkat akhir pemindahan perintah Hak Cipta untuk meningkatkan penalti dan juga kuasa penguatan kuasaan. Ia



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh menyampaikan ucaptama dalam Majlis Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia.

terlaksana melalui perundingan dan kerjasama dengan semua agensi yang berkaitan dan saya ingin memuji atas komitmen serta tanggungjawab mereka yang tinggi," ujar Yang Berhormat.

IP berperanan dalam kehidupan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 April. - Hari Harta Intelek Sedunia merupakan acara global yang disambut pada setiap 26 April oleh Pertubuhan Harta Intelek Sedunia (World Intellectual Property Organization - WIPO) bagi memperingati kepentingan Harta Intelek (IP) dan peranan yang dimainkannya dalam kehidupan sehari-hari kita.

Dalam memperingatinya, Ahli-ahli Negara WIPO, termasuk Negara Brunei Darussalam menyambutnya dengan mengadakan pelbagai aktiviti bagi mendemonstrasikan peranan IP dalam memacu inovasi teknologi yang membantu membentuk dunia ini.

Sehubungan itu Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dengan disokong oleh Telekom Brunei Berhad (TelBru) telah mengadakan Peraduan '30 Seconds Informercial' yang dilancarkan sejak 11 April lalu bertujuan bagi meningkatkan kesedaran terhadap perlindungan IP, di samping menggalakkan inovasi dan kreativiti selaras dengan tema Hari Harta Intelek Sedunia iaitu 'Kreativiti - Generasi Seterusnya'.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi peraduan tersebut dan Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia berlangsung di iCentre, Anggerek Desa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd. Salleh.

Johan bagi Kategori Pelajar dimenangi oleh Miguel Rodriqquez dari Sekolah St. Margaret, manakala naib johan diraih oleh Jerome A. Mandapat dari Sekolah Seri Mulia Sarjana dan tempat ketiga diterima oleh Awang Muhsin Rafiqin bin Reni dari Sekolah St. Margaret.

Sementara itu dalam Kategori Terbuka pula, johan disandang oleh Awang Mohammad Sahlan Safwan diikuti naib johan, Dayangku Aimi



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Hayati menyampaikan hadiah kepada Miguel Rodriqquez dari Sekolah St. Margaret johan Peraduan '30 Second Informercial' anjuran LKEB dan TelBru.

Rabiatuladwiah binti Pengiran Mohidin dan Awang Mohd. Khairul Fadhl bin Sani pada tempat ketiga.

Johan bagi kedua kategori membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000; naib johan, BND700 dan tempat ketiga menerima BND500.

Selain itu, kesemua penyertaan yang disenaraikan pendek juga berpeluang mengikuti kursus pendek dalam Animasi bagi dua orang yang akan diadakan di Pusat Kemudahan Kreatif Art (CRAFT) Knowledge Hub di Anggerek Desa.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Dr. Haji Abdul Manaf bin Metussin menjelaskan bahawa pihak LKEB komited dalam meningkatkan nilai inovasi dengan menyokong dan mempromosi IP selain mengukuhkan output kreatif dan inovatif yang ketara.

Beliau menambah, LKEB baru-baru ini telah melancarkan dua inisiatif, iaitu Program Start-Up Brunei (SUB) bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai Start-Up inovatif rakyat tempatan dan menarik usahawan yang berpotensi tinggi di luar negara dengan pemikiran global untuk menubuhkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, tambahnya, Keusahawanan @ Campus (E@C) pula merupakan kerjasama antara Universiti Brunei Darussalam dan LKEB bertujuan untuk melahirkan lebih ramai graduan yang akan menyertai 'Start-ups'.

Inisiatif seperti ini, jelasnya, memainkan peranan penting bagi pencapaian negara dalam indeks Inovatif global di mana pada tahun 2012, Negara Brunei Darussalam disenaraikan sebagai salah satu pendaki inovatif (*innovative climbers*) bagi negara-negara yang meningkatkan kedudukan inovasi mereka.

Pada majlis tersebut, satu taklimat turut disampaikan oleh Mr. Candra Darusman daripada World Intellectual Property Organization (WIPO) berpejabat di Republik Singapura yang antara lain menjelaskan bahawa memperingati Hari Harta Intelek Sedunia merupakan masa yang baik untuk menggambarkan apa yang telah dapat dicapai oleh dunia dan apa lagi yang perlu dilakukan jika kita semua mahu mendapat manfaat daripada pelbagai peluang.

Majlis Sambutan Hari Harta Intelek Sedunia diteruskan sehingga ke petang dengan pengajuran beberapa siri taklimat yang dibukakan kepada orang ramai dengan penglibatan penceramah daripada LKEB, PHMD Publishing, Socialbuzz, dan E@C yang mengongsikan pengalaman masing-masing mengenai keusahawanan dan bagaimana mereka memulakan perniagaan.

Lindungi anak daripada ancaman dunia siber

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 26 April. - Bersempena dengan bulan Matematik dan ICT, Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) menganjurkan ceramah 'A Parent's Guide: Online Safety For Children' bagi ibu bapa murid-murid sekolah berkenaan bertempat di Dewan Kuliah Sekolah Menengah YSHHB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Pengarah Urusan, YSHHB, Awang Haji Puasa bin Haji Jumat.

Antara isi kandungan ceramah tersebut ialah kelakuan anak-anak ketika melayari internet, kebaikan dan keburukan melayari internet dan kes-kes yang berlaku di negara ini.

Ceramah disampaikan oleh wakil dari Brunei Computer Emergency Response Team

(BruCert), Awang Ahmad Mu'azzam Lim bin Abdullah.

Awang Ahmad Mu'azzam Lim juga menjelaskan mengenai kes-kes buli dan pemangsa seks dalam dunia siber, *sexting* dan *pedophiles*.

Selain itu, beliau juga berkongsi tips bagi guru-guru dan para ibu bapa cara memantau anak-anak serta murid-murid ketika melayari internet bagi tujuan keselamatan mereka.

Ceramah antara lain bertujuan untuk membantu para ibu bapa mendidik dan melindungi anak-anak mereka ketika melayari internet, di samping mengekalkan keselamatan dan keamanan murid-murid daripada ancaman bahaya dunia siber serta mengeratkan lagi silaturahim di antara ibu bapa dan guru-guru sekolah tersebut.



PENOLONG Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Puasa bin Haji Jumat hadir dalam ceramah 'A Parent's Guide : Online Safety For Children' anjuran Sekolah Rendah YSHHB.

'KEPELBAGAIAN EKONOMI, MENJAMIN MASA DEPAN SEMUA GENERASI'

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیق اوله جباتن فرچیتئن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.